Hujung Minggu
ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DARIPADA Abu Barzakh Aslami Radiallahuanhu ia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak akan bergerak kedua-dua kaki seseorang hamba itu pada Hari Kiamat di Padang Mahsyar sehingga ia disoal tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang ilmunya apa yang dilakukan dengannya, tentang hartanya dari mana diperoleh dan untuk apa yang dibelanjakan dan tentang tubuh badannya bagaimana ia menggunakannya".**
**(Hadis Riwayat Imam Termizi)**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.22 | ASAR 3.31 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.38
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 103 | 29 OGOS 2026 / 1448 ربيع الأول 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# TEKNOLOGI BAHARU BUKA RUANG PEMBANGUNAN BAKAT, KEPAKARAN ANAK TEMPATAN

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Rabu, 26 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), bertitah menzahirkan rasa gembira melihat teknologi baharu terus membuka ruang kepada pembangunan bakat dan kepakaran anak tempatan dalam era teknologi berkembang pesat.

Titah baginda lagi pada masa ini, teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan (AI) dapat dimanfaatkan untuk memperkaya pengalaman dan meningkatkan keberkesanan pengajaran.

"Namun dalam pendidikan, beta berpendapat, penggunaan teknologi ini hendaklah kekal berteraskan manusia (*human-centric technology*), bukan untuk menggantikan tenaga kerja secara keseluruhan.

**>> Muka 3**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan dijunjung bergambar bersama salah seorang graduan UTB dan keluarganya di Majlis Konvokesyen UTB Ke-14. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.**

## Pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap yang baharu

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Khamis, 14 Rabiulawal 1448 Hijrah bersamaan dengan 27 Ogos 2026 Masihi.

## Pelancaran laman sesawang, buku baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Ogos. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Laman Sesawang Jabatan Mufti Kerajaan dan Buku Terbaharu Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan berjudul 'Khutbah 'Idul-Adhha 1447H/2026M' bertempat di Ruang Legar, Darulifta Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan pelancaran laman sesawang serta buku terbaharu tersebut ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Turut hadir ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof; Penolong Mufti (Ifta'), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah; serta jemputan-jemputan khas dan pegawai-pegawai dan kakitangan JMK.

**>> Muka 14**

## Memperkukuh keupayaan profesional, meneroka pendekatan terkini bidang pemulihan neurorehabilitasi

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Ogos. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) mencatat satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan perkhidmatan pemulihan neurorehabilitasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) menerusi pelancaran Borneo Neurorehabilitation Workshop (BNRWE), yang dianjurkan oleh Jabatan Rehabilitasi, Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre (BNSRC), JPMC.

Bengkel selama empat hari yang julung kalinya diadakan berkenaan merupakan bengkel neurorehabilitasi khusus yang pertama seumpamanya yang diadakan di NBD.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran bengkel berkenaan disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan; serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan dan JPMC.

**>> Muka 11**

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



**MOU ketengahkan kesiapsiagaan, tindak balas terhadap bencana**
**Muka 12**



**BRUIPO, CNIPA meterai MoU kerjasama bidang harta intelek**
**Muka 14**



**SUNTIK semangat patriotisme, sifat perpaduan dalam kalangan pelajar**
**Muka 30**




**MENSYUKURI kejayaan di menara gading**
**Muka 27**

# Akidah kukuh benteng utama menghadapi cabaran dunia digital

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen.**
**Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,**
**Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Waman Tabi'ahu Bi Ihsanin 'Ila Yau Middeen, Waba'du.**

**ALHAMDULILLAH**, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana mengizinkan kita dapat lagi meraikan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah.

Beta mengambil maklum tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara pada tahun ini ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah'.

Tema ini bertepatan dengan baginda diutus sebagai pembawa rahmat kepada alam seluruhnya. Bagindalah suluh dunia dan suluh akidah. Sebelum baginda diutus, semuanya gelap gelita, berada dalam kegelapan kufur dan kesesatan serta kejahilan. Perkara ini telah dijelaskan sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 1, tafsirnya :

"*(Inilah) Kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) supaya engkau mengeluarkan manusia daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji*".

Ayat ini menegaskan bahawa antara misi terbesar kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah membimbing manusia kepada akidah yang sahih dan seterusnya membawa mereka menuju keselamatan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Dalam kemajuan teknologi dan komunikasi digital, kita umat Islam kini tidak lepas dari berhadapan dengan pelbagai cabaran memelihara akidah. Kemudahan mendapat sumber maklumat melalui media sosial dan platform digital telah membuka ruang kepada penyebaran pelbagai ajaran, tafsiran dan fahaman ugama. Maka amat membimbangkan kita, kerana kadang-kadang terdapat kandungan yang boleh mengelirukan, bahkan menyesatkan, sehingga berpotensi untuk menggugat akidah yang sahih, khasnya di kalangan para belia dan generasi muda, selaku pengguna utama platform digital.

Oleh itu, beta ingin menasihatkan semua lapisan, terutama golongan belia, supaya sentiasa berhati-hati terhadap sebarang individu atau kumpulan yang membawa naratif ugama dalam pelbagai bentuk, sama ada ia dari dalam mahupun luar negara, yang memperalatkan ugama untuk menyebarkan fahaman menyimpang. Di samping itu, beta juga menyeru ibu bapa, guru-guru serta seluruh institusi pendidikan supaya memainkan peranan aktif dalam membimbing dan mengukuhkan akidah generasi muda, kerana pemeliharaan akidah bukan tanggungjawab satu pihak, tetapi tanggungjawab semua.

Oleh itu, jadikanlah diri kita sentiasa berhati-hati dan tidak mudah menerima segala pendapat dari sumber digital yang tidak diketahui kesahihannya, melainkan perlu dirujuk kepada institusi ugama berautoriti. Di antara contoh penyelewengan akidah ialah bermudah-mudah mengamalkan mengharuskan ugama, sembahyang seperti tanpa wuduk atau membenarkan sembahyang jamak dan qasar tanpa memenuhi syarat yang betul.

Terdapat juga golongan yang berfahaman menormalisasikan perkara-perkara yang ditegah atau yang bercanggah dengan ugama. Semua ini mesti ditolak, jangan sampai ia bertapak dalam masyarakat.

Dengan mengelak fahaman-fahaman yang mengelirukan seperti ini, insyaaAllah, akidah kita aliran Ahli Sunnah Waljamaah akan terus terpelihara.

Beta berharap Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini akan benar-benar jadi pemangkin kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk terus memperteguh akidah dengan Al-Quran mematuhi ajaran Al-Quran dan As-Sunnah serta menzahirkan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui ibadat yang ikhlas.

Beta juga menyeru supaya seluruh rakyat sentiasa waspada dan bijaksana dalam menilai setiap kandungan yang diperoleh daripada platform digital. Jangan sekali-kali mudah terpengaruh atau menyebarkan ajaran yang tidak jelas sumbernya. Semoga dengan itu, akidah umat akan selamat dan perpaduan akan terus kukuh dan mantap.

Sesungguhnya akidah yang kukuh dan mantap adalah asas kepada keharmonian, keamanan dan kemakmuran sesebuah negara, dan sekali gus menjadi benteng utama dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan negara buat selama-lamanya.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara pada Isnin, 24 Ogos 2026.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OGOS MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29 | SABTU | 16 | 4.46 | 4.56 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.31 | 6.28 | 7.38 |
| 30 | AHAD | 17 | 4.46 | 4.56 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.28 | 7.38 |
| 31 | ISNIN | 18 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.29 | 6.27 | 7.37 |
| 1 SEPTEMBER | SELASA | 19 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.21 | 3.28 | 6.27 | 7.37 |
| 2 | RABU | 20 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.27 | 6.26 | 7.36 |
| 3 | KHAMIS | 21 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.26 | 6.26 | 7.35 |
| 4 | JUMAAT | 22 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.25 | 6.25 | 7.35 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 35 / 26 °C | 34 / 26 °C | 34 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 35 / 25 °C | 34 / 26 °C | 34 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 35 / 26 °C | 33 / 25 °C | 34 / 26 °C |
| Kuala Belait | 34 / 25 °C | 33 / 25 °C | 33 / 26 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 29 OGOS 2026

# Hadkan aktiviti di luar, elakkan pembakaran terbuka

**KEADAAN** cuaca di Negara Brunei Darussalam diramalkan panas dan kering dengan aktiviti turunan hujan yang minimum sehingga hujung bulan ini dengan sedikit berjerebu disebabkan oleh jerebu rentas sempadan. Manakala, suhu maksimum harian dijangkakan berada dalam lingkungan 33 darjah Celsius hingga 36 darjah Celsius.

Menurut laporan Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC), titik panas dan jerebu di beberapa kawasan di selatan ASEAN mungkin bertambah buruk dalam beberapa hari akan datang berikutan cuaca kering yang berpanjangan, sekali gus meningkatkan risiko jerebu rentas sempadan.

Beberapa stesen kualiti udara di Kalimantan Barat dan Selatan, barat Sarawak, barat Semenanjung Malaysia serta Sumatera tengah dan selatan juga dilaporkan merekodkan bacaan 'tidak sihat' hingga 'sangat tidak sihat'.

Keadaan jerebu yang berterusan akan mendatangkan kesan yang buruk kepada semua orang terutama golongan yang berisiko tinggi iaitu kanak-kanak; orang tua; mereka yang mengalami penyakit asma, *bronchitis*, radang paru-paru, penyakit paru-paru yang kronik, jantung, alahan. Begitu juga perokok dan mereka yang sentiasa berkerja di luar pejabat atau rumah.

Kesan-kesan yang akan dialami setelah terdedah secara berterusan kepada jerebu termasuklah terasa gatal-gatal di bahagian kerongkong dan batuk-batuk. Di samping itu, kita akan merasa sukar untuk bernafas atau sesak nafas. Mata terasa pedih dan berair. Hidung berair dan kerap bersin. Bukan itu saja, kulit badan juga akan terasa gatal-gatal. Dapatkan rawatan dan nasihat doktor di klinik berhampiran sekiranya awda mempunyai tanda-tanda dan gejala tersebut.

Mereka yang di dalam kumpulan berisiko tinggi hendaklah sentiasa mengambil ubat seperti yang dinasihatkan. Penutup hidung dan mulut (*mask*) hendaklah digunakan oleh semua penunggang motosikal, mereka yang bekerja di luar bangunan atau di tempat-tempat yang berhabuk dan juga mereka yang dikenal pasti sebagai kumpulan berisiko tinggi.

Orang ramai diingatkan supaya sentiasa membasuh muka dan bahagian kulit yang terdedah kepada jerebu dengan air bersih. Gunakan kemudahan pendingin udara sekiranya menaiki kenderaan awda. Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa meminum air yang banyak (sekurang-kurangnya 8 gelas sehari). Sekiranya keadaan jerebu berterusan pada tahap berbahaya, mereka yang berisiko tinggi dinasihatkan keluar dari kawasan tersebut.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil perhatian dan seterusnya mengambil langkah-langkah berpatutan berikutan keadaan cuaca panas dan kering. Elakkan pembakaran terbuka, hadkan aktiviti di luar rumah dan jaga kesihatan sepanjang musim panas ini. **- Ketua Penyuntingan (Ad)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوله جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Teknologi baharu buka ruang pembangunan bakat, kepakaran anak tempatan

>> Muka 1

"AI sama sekali tidak boleh menggantikan fungsi akal, walaupun ia mampu untuk memproses data dengan amat pantas kerana AI tidak mempunyai jiwa dan pertimbangan moral yang hakiki," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-14 Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Tambah titah baginda, AI hanya alat untuk membantu manusia memperoleh maklumat, sedang maklumat pula mesti disemak dan dinilai kebenarannya oleh manusia.

Tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, setelah empat dekad negara membina keupayaan melalui penubuhan Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT), maka keupayaan ini sewajarnyalah dapat membuka lembaran baharu bagi IPT memainkan peranannya lebih besar dalam memperkukuh ekosistem inovasi, dan sekali gus memperluaskan lagi sumbangannya kepada negara.

Ke arah itu, baginda seterusnya bertitah menyarankan supaya semua IPT mengambil langkah proaktif memperkemas dasar masing-masing.

"Beta telah difahamkan bahawa UTB sedang giat mempertingkatkan keupayaan makmal-makmalnya ke arah pensijilan dan akreditasi antarabangsa. Usaha ini juga mampu untuk memantapkan lagi kualiti infrastruktur negara serta memperluaskan sumbangan universiti kepada perkembangan industri berasaskan pengetahuan.

"Kemajuan di sini tidak dapat dicapai secara bersendirian, melainkan ada kerjasama di antara universiti, industri dan agensi berkepentingan.

"Sememangnya kolaborasi strategik antara universiti dan pihak berkepentingan adalah tunjang kepada usaha UTB dalam menangani isu pengangguran melalui penyediaan graduan yang mahir secara praktikal," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM selanjutnya bertitah, menerusi perkongsian teknologi dan kepakaran, akan mampu untuk merapatkan jurang ketidakpadanan (*mismatch*) antara kelulusan akademik dan keperluan sebenar pasaran kerja masa kini.

Menyentuh mengenai penyelidikan dan pembangunan, baginda bertitah menzahirkan harapan supaya usaha-usaha yang dilaksanakan oleh UTB akan terus memantapkan keupayaan inovasi universiti.

Inovasi ini titah baginda lagi, tidak boleh bermula dan berakhir di dalam makmal semata-mata, tetapi mesti dipacu oleh minda yang kreatif dan rantaian kolaborasi strategik antarabangsa. Demi mendukung hasrat suci, UTB perlu memastikan program-program yang ditawarkannya sentiasa responsif terhadap perubahan industri, supaya setiap graduan memiliki kebolehpasaran yang tinggi.

"Namun beta ingin berpesan, apapun ilmu yang diburu, Islam sama sekali jangan dipinggirkan. Kerana Islam itu adalah suluh segala ilmu dan jalan lurus yang tidak pernah bengkok-bengkok," tegas baginda dalam titah.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita hadir di Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-14 pada hari ini.

Baginda turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang diraikan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing - masing. Semoga kejayaan ini akan jadi pemangkin bagi kecemerlangan berterusan di masa hadapan.

Kebawah DYMM turut mengucapkan tahniah kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa memberikan dorongan sehingga para graduan beroleh kejayaan.

Pada tahun ini titah baginda lagi, UTB telah genap 40 tahun penubuhannya. Sepanjang tempoh tersebut, universiti ini telah berkembang daripada sebuah institut teknologi kepada sebuah universiti yang diiktiraf di peringkat global.

"Alhamdulillah, pencapaian ini telah memperteguh lagi peranan dan sumbangan UTB dalam pembangunan pendidikan tinggi negara, yang menjadikannya semakin dikenali di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Untuk akhirnya, beta merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga UTB, yang merangkumi Ahli-ahli Majlis dan Senat, Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan, atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka.

"Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha kita dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda," titah baginda lagi.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan mengurniakan titah pada majlis berkenaan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**

# 574 GRADUAN DIRAIKAN PADA MAJLIS KONVOKESYEN UTB KE-14





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan merasmikan Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (atas dan atas kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), hari ini berkenan merasmikan Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor UTB.



**BACAAN Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**

>> Muka 4



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor UTB.**

**>> Muka 3**

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UTB; Naib Canselor UTB, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra; dan Pendaftar dan Setiausaha UTB, Awang Lim Chui Hua.

Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus selepas itu, diteruskan dengan Perarakan Masuk Canselor ke Dewan Plenary. Seterusnya diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada ayat lapan hingga ayat 11, Surah Ar-Ra'd yang dibacakan oleh Awang Muhammad Nur Hazim Wafiuddin bin Haji Kamaruzaman daripada graduan Sarjana Sains (Penyelidikan) dalam Kejuruteraan Mekanikal.

Manakala, inti pati ayat berkenaan pula dibacakan oleh Awangku Ahmad Amsyar Zaki bin Pengiran Abdul Razak daripada mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Awam dan Struktur.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar, yang antara lain menyembahkan pada tahun ini merupakan detik yang amat bermakna buat UTB apabila universiti berkenaan menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-40.

Sembah Naib Canselor UTB lagi, sepanjang empat dekad, UTB telah membina identiti, nilai serta keupayaannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan teknologi dan inovasi.

Naib Canselor UTB seterusnya menyembahkan segala pencapaian UTB sehingga ke hari ini tidak terlepas daripada sokongan berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, serta usaha, iltizam dan dedikasi para pemimpin terdahulu bersama seluruh warga universiti yang telah membina asas kukuh kepada perkembangan UTB sepanjang empat dekad.

"Pada tahun ini, UTB mencatat peningkatan dalam Times Higher Education Impact Rankings 2026, dengan kedudukan bagi Quality Education (SDG 4) meningkat daripada kelompok 301 ke 400 kepada 101 ke 200 dunia, manakala Industry, Innovation and Infrastructure (SDG 9) meningkat daripada kelompok 401 ke 600 kepada 301 ke 400.

"Selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan negara, UTB terus memperkukuh penawaran akademiknya agar kekal relevan dengan tuntutan semasa, antaranya melalui penambahbaikan Program Kejuruteraan Tenaga seiring dengan perkembangan sektor tenaga dan peralihan ke arah sistem tenaga yang lebih pintar dan mampan.

"Dalam bidang penyelidikan dan inovasi, UTB terus mencatat pencapaian yang nyata. Pada tahun ini, sembilan orang penyelidik dan pereka cipta UTB telah berjaya memperoleh pendaftaran harta intelek, merangkumi hak cipta, rahsia perdagangan dan reka bentuk perindustrian. Pencapaian ini juga selaras dengan titah Kebawah DYMM pada Majlis Konvkesyen UTB Kali Ke-13 yang antara lain menekankan pengukuhan budaya inovasi di universiti," sembah Naib Canselor UTB lagi.

Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar dalam sembahnya juga menyatakan keupayaan penyelidikan dan inovasi warga UTB turut mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seramai 10 ahli akademik UTB telah disenaraikan dalam kelompok World's Top 2 percent Scientists 2025, manakala penyelidik UTB turut meraih ASEAN-U.S. Science Prize for Women 2025 serta Grand Prize of the Crown Prince Special CIPTA Award 2025.

Seiring dengan kematangan keupayaan penyelidikan dan inovasi sembah Naib Canselor UTB lagi, UTB turut memanfaatkan kampusnya sebagai sebuah model Innovation Living Lab, iaitu ruang sebenar bagi pengujian, pembelajaran dan inovasi teknologi dalam persekitaran operasi kampus melalui kerjasama strategik bersama rakan-rakan industri.

**>> Muka 5**



**NAIB Canselor UTB, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra semasa menyampaikan sembah alu-aluannya.**



**SEKITAR Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 yang telah berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas, kanan dan bawah).**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kepada para penerima yang disenaraikan dalam Buku Konvokesyen (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).**





**>> Muka 4**

"Pendekatan ini diterjemahkan antaranya melalui pengoperasian Byte-and-Go AI Convenience Shop, sebuah kedai pintar yang menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan rangkaian sensor bagi membolehkan pengguna memilih barangan dan membuat transaksi secara automatik tanpa perlu melalui kaunter pembayaran.

"UTB juga terus memperkembangkan EV Charging station berasaskan Smart IoT yang diintegrasikan dengan tenaga solar dan sistem grid pintar kampus, ke arah penggunaan tenaga yang lebih cekap, pintar dan lestari.

"Kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja memberi peluang kepada warga UTB untuk merasai penggunaan teknologi secara langsung, malah turut membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali dan berinteraksi dengan teknologi yang dibangunkan," sembah Naib Canselor UTB lagi.

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kepada para penerima yang disenaraikan dalam Buku Konvokesyen.

Ini disusuli dengan laungan '*Allahu Akbar, Wa Lillahil Hamd*' oleh para graduan dan semua yang hadir.

**>> Muka 6**



**SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta paduka anakanda baginda ke majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kiri). Sementara gambar-gambar di bawah, keceriaan terpancar daripada para graduan yang diraikan.**









KEBAWAH DYMM serta paduka anakanda baginda dijunjung bergambar ramai.

>> Muka 5

Baginda kemudiannya berkenan mengurniakan ijazah kepada seramai 574 graduan, yang terdiri daripada 14 graduan Doktor Falsafah, 120 graduan Sarjana dan 440 graduan Ijazah Sarjana Muda.

Majlis konvokesyen pada tahun ini turut mencatatkan kejayaan graduasi kumpulan pertama bagi program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Media Digital dan kumpulan pertama bagi program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Makanan dan Pemakanan Manusia.

Sehingga kini, UTB telah melahirkan seramai 5,141 graduan BDTVEC HND, 295 graduan Higher National Diploma Tahap Lima, 4,209 graduan prasiswazah, 896 graduan Sarjana dan 59 graduan Doktor Falsafah.

Para graduan berkenaan adalah daripada program-program akademik yang ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan, Sekolah Perniagaan UTB, Sekolah Pengkomputeran dan Informatik, Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, Sekolah Reka Bentuk, serta Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL).



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama para graduan dan ahli keluarga yang hadir pada majlis berkenaan (atas, kanan, bawah).









KEBAWAH DYMM serta paduka anakanda baginda berkenan bergambar kenangan bersama graduan dan ahli keluarga (kanan). Sementara gambar kiri, salah seorang graduan meraikan kejayaan bersama ibu bapa (kiri).

# TEKNOLOGI PEMUDAH CARA PEMBANGUNAN NEGARA, KESEJAHTERAAN RAKYAT

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Khamis, 27 Ogos. - Dunia kini berada dalam fasa perubahan teknologi yang amat pesat. Kemajuan dalam Kecerdasan Buatan (AI), robotik dan sistem automasi pintar turut merubah gaya hidup, kaedah pembelajaran dan cara kerja serta urus niaga.

Namun matlamat kita adalah jelas, teknologi adalah pemudah cara kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Demikian sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA) pada Majlis Penganugerahan BICTA 2026 bertempat Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, pagi tadi.

Terdahulu, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, BICTA terus berperanan sebagai wadah utama dalam mencungkil bakat, menyemai budaya reka cipta serta memperkasa inovasi anak tempatan.

Dalam mendepani perkembangan ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, sama-sama kita mengamati titah paduka ayahanda semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun ini, yang antara lain menegaskan bahawa AI mesti dimanfaatkan untuk memperluas peluang dan bukan memperdalam jurang serta untuk memperkasa daya cipta manusia, bukan melemahkannya.

"Titah paduka ayahanda ini, jelas memberikan peringatan dan panduan berharga dalam setiap langkah penerokaan teknologi baharu.

"Pengalaman yang saya peroleh semasa siri Lawatan Kerja rasmi ke luar negara baru-baru ini, khususnya dalam meneliti pusat-pusat kecemerlangan serta aplikasi teknologi moden di institusi pengajian tinggi, memperlihatkan betapa pentingnya pelaburan yang sistematik dan mampan dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), pembinaan modal insan berkemahiran tinggi serta perkongsian strategik dengan pihak industri," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Sabda DYTM, seiring dengan peralihan ini, sudah tiba masanya untuk kita mengorak langkah lebih jauh. Kita bukan sekadar memanfaatkan kemajuan teknologi, bahkan mampu menerajui penciptaan dan pembangunan inovasi tempatan.

Keupayaan untuk memahami dan menyesuaikan teknologi mengikut keperluan domestik, termasuk dalam bidang strategik seperti keterjaminan makanan dan Perkhidmatan Awam yang mesra rakyat, amat mustahak bagi kita membina asas daya tahan serta menembusi pasaran serantau dan antarabangsa sabda DYTM.

DYTM bersabda menjelaskan, di sinilah letaknya nilai BICTA yang lebih bermakna. Wadah ini perlu terus menjadi medan lahirnya idea dan bakat yang bukan sahaja mampu meraih anugerah tetapi berkembang menjadi penyelesaian sebenar, penjanaan harta intelek dan perusahaan tempatan yang memberi impak.

Justeru, sabda DYTM lagi, bagi merealisasikan hasrat tersebut, kita perlu memperkukuh asas Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang merentas pelbagai sektor, dengan disokong oleh jaringan kerjasama antarabangsa.

Pembangunan National Science, Technology and Innovation Strategy Framework merupakan langkah strategik dalam memberikan hala tuju yang tersusun kepada pembangunan ekosistem STI negara bagi memperkukuh keberhasilan penyelidikan serta menghubungkannya dengan kehendak industri.

"Usaha ini melengkapi matlamat Digital Brunei 2030 yang membawa aspirasi 'Together Towards Digital Brunei', dengan data dan AI sebagai pemacu transformasi merentas sektor. Kejayaan strategi ini bertunjangkan kepada beberapa keutamaan asas iaitu melahirkan barisan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dalam sains data; keselamatan siber dan teknologi baharu; penyediaan dasar dan kerangka kawal selia yang responsif dan pemanfaatan data secara berimpak tinggi serta sinergi yang padu antara kerajaan, industri dan institusi pengajian.

"Sehubungan ini, asas ekosistem STI yang kukuh turut memerlukan ruang pengujian teknologi dalam persekitaran sebenar dan terkawal. Inisiatif AITI dalam membangunkan 5G Campus Network di Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei dihasratkan menjadi *testbed* bagi menguji aplikasi masa hadapan termasuk sistem pengangkutan pintar, kenderaan berautonomi serta keselamatan awam berasaskan teknologi termaju," sabda DYTM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penganugerahan BICTA 2026.

DYTM juga bersabda, adalah menjadi harapan tinggi bagi kemudahan prasarana ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya ke arah memperkukuh ekosistem inovasi kebangsaan, memastikan hasil penyelidikan berupaya beralih secara lancar daripada pembuktian konsep kepada penjanaan harta intelek dan produk pasaran yang berdaya saing.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau sabda DYTM, terus menunjukkan pencapaian yang menggalakkan. Melalui Asia Pacific ICT Alliance Awards (APICTA), bakat tempatan membuktikan keupayaan mereka bersaing di persada antarabangsa dengan bimbingan dan sokongan yang sewajarnya.

Mengakhiri sabda DYTM, "Kepada semua peserta, finalis dan penerima BICTA 2026, saya mengucapkan setinggi - tinggi tahniah seraya menyeru, Berinovasilah untuk mencipta nilai, menangani cabaran bersama dan membina masa hadapan Negara Brunei Darussalam yang makmur dan berdaya tahan".

DYTM juga merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), InfoCom Federation Brunei (IFB), kementerian - kementerian, institusi-institusi pendidikan serta pihak industri atas komitmen berterusan dalam menjayakan usaha ini.

# Berkenan berangkat ke BICTA 2026



**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Khamis, 27 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA), pagi tadi berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan BICTA 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pandu BICTA 2026; Pengerusi InfoCom Federation Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff selaku Pengerusi Bersama II Jawatankuasa Pandu BICTA 2026; dan Ketua Eksekutif Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Ir. Jailani bin Haji Buntar.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan sabda.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Awang Besar.



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA) ke Majlis Penganugerahan BICTA 2026 (atas dan atas kiri).

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dalam sembah alu-aluan tersebut, Yang Berhormat menekankan peranan BICTA dalam memperkasa ekosistem teknologi dan inovasi negara.

>> Muka 8



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (kanan). Sementara gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

**>> Muka 7**

BICTA 2026 menerima sebanyak 328 penyertaan, meningkat kira-kira 70 peratus berbanding tahun sebelumnya, sekali gus mencerminkan minat dan penglibatan yang semakin meluas dalam bidang berkenaan.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa kejayaan sesebuah inovasi bukan sahaja dinilai berdasarkan pengiktirafan yang diterima, malah keupayaannya memenuhi keperluan sebenar, meningkatkan produktiviti, menambah baik penyampaian perkhidmatan serta menjana nilai kepada masyarakat dan ekonomi.

Sehubungan itu, BICTA akan terus diperkasakan sebagai platform yang membuka peluang kepada penyelesaian berpotensi untuk diuji, dilaksanakan secara lebih meluas dan menembusi pasaran.

Usaha berkenaan turut mendukung pencapaian KPI Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam meningkatkan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan kepada satu peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), serta pengiktirafan antarabangsa yang diterima oleh warga tempatan dalam bidang sains dan teknologi.

Seterusnya, laporan hakim disampaikan oleh Pengiran Khairi bin Pengiran Haji Metussin selaku Ketua Hakim bagi Anugerah BICTA 2026.

Majlis disusuli dengan tayangan video 'Catatan Perjalanan BICTA 2026' yang memperlihatkan kompilasi aktiviti sepanjang tahun 2026 dan pengalaman para peserta BICTA.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah BICTA 2026 bagi setiap kategori pertandingan, diikuti dengan pengurniaan Anugerah Penaung Diraja BICTA 2026.

DYTM seterusnya berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sejurus itu, DYTM dijunjung untuk melawat pameran produk para pemenang BICTA 2026, pemenang Negara Brunei Darussalam di Anugerah APICTA 2025 dan penerima Anugerah Perak negara di ASEAN Digital Awards (ADA) 2026.

Selain memenangi hadiah wang tunai dan trofi, para pemenang dalam setiap kategori turut berpeluang mewakili negara ke Anugerah Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) 2026 yang akan diadakan pada penghujung tahun ini di Jakarta, Republik Indonesia.

Anugerah APICTA merupakan pertandingan ICT di peringkat antarabangsa yang berprestij dan disertai oleh 14 ahli ekonomi dari rantau Asia Pasifik.

Sejak penyertaannya di APICTA pada tahun 2002, Negara Brunei Darussalam setakat ini telah meraih tujuh kemenangan, satu anugerah *first runner-up*, lima anugerah *second runner-up* dan 37 anugerah merit.

BICTA merupakan pertandingan ICT tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama AITI dan IFB.

Pertandingan berkenaan bertujuan untuk merangsang inovasi dan kreativiti ICT dalam kalangan individu, pelajar serta perusahaan tempatan.

BICTA turut disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Anugerah BICTA pada tahun ini bertemakan 'Berinovasi untuk Digital Brunei', yang memberi penekanan terhadap pemerkasaan inovasi yang inklusif dan mampan bagi meningkatkan produktiviti, memperkukuh daya saing serta memacu pertumbuhan ekonomi selaras dengan aspirasi Digital Brunei 2030.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima pesambah (kiri).**








**DULI Yang Teramat Mulia berkenan melawat ke salah satu pameran produk para pemenang BICTA 2026 dan seterusnya berkenan bergambar ramai (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyampaikan sembah alu-aluan. Manakala gambar-gambar di bawah, sekitar majlis tersebut.**







# BICTA 2026 KETENGAHKAN KECEMERLANGAN, TEKNOLOGI DIGITAL TEMPATAN






DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Anugerah ICT Brunei (BICTA) berkenan berangkat bagi menyempurnakan pengurniaan anugerah kepada para pemenang pada Majlis Penganugerahan BICTA 2026 yang telah berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).






**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Khamis, 27 Ogos. - Sebanyak 10 kategori dipertandingkan yang terdiri daripada tujuh Kategori Utama, iaitu Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Pengajian Tinggi, Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan, Khidmat Kemasyarakatan dan Keikutsertaan, Perindustrian, serta Awam dan Kerajaan.

Manakala tiga Kategori Silang ialah Pemula (*Startup*), Penyelidikan dan Perkembangan, serta Teknologi.

Majlis Penganugerahan Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2026 telah berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Berkenan berangkat bagi menyempurnakan pengurniaan anugerah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja BICTA.

Bagi Kategori Sekolah Rendah, Seri Mulia Sarjana School dengan produk 'CLEAN-BIT AI' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Sekolah Rendah dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND1,000 sumbangan Dynamik Technologies Sdn. Bhd.

Sebanyak 10 anugerah merit turut dianugerahkan kepada Sekolah Rendah Amar Pahlawan Kluster 3 dengan produk 'DbibirBN'; Sekolah Rendah Rataie Mukim Bokok, Temburong dengan produk 'KantinKu'; Sekolah Rendah Rataie Mukim Bokok, Temburong dengan produk 'VocabQuest V2'; Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan produk 'PeaceBuddy'; Seri Mulia Sarjana International School dengan produk 'Deliver-Bot'; Sekolah Rendah Rimba I dengan produk 'KiraQuest'; Sekolah Rendah Sungai Tali Lumut II dengan produk 'SENASync'; St. Andrew's School dengan produk 'EcoGuard'; Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan produk 'SAFEZONEBN 2.0: Smart Anti-Bullying & School Discipline Monitoring System'; dan Sekolah Rendah Dato Marsal dengan produk 'WIRA MIB'.

Setiap penerima anugerah merit menerima trofi sumbangan BIBD, sijil dan wang tunai BND500 sumbangan Dynamik Technologies Sdn. Bhd., ITIS Wescots Technologies Sdn. Bhd., Evyd Technology Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.

Bagi Kategori Sekolah Menengah, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dengan produk 'KINETRA' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Sekolah Menengah dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND1,500 sumbangan Sprintville Technologies Sdn. Bhd.

Lima anugerah merit dianugerahkan kepada Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dengan produk 'PetaNova'; Sekolah Menengah Menglait dengan produk 'NUTRIScanBuddy'; Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dengan produk 'Chaching.bn'; Sekolah Menengah Rimba dengan produk 'RimbaScan 2.0: Smart AI Plant Assistant'; dan Sekolah Menengah Berakas dengan produk 'stARdy App'.

Setiap penerima anugerah merit menerima trofi sumbangan BIBD, sijil dan hadiah wang tunai BND800 sumbangan Sprintville Technologies Sdn. Bhd.

Sementara bagi Kategori Pengajian Tinggi, Laksamana College of Business dengan produk 'EduPath' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Pengajian Tinggi dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND2,000 sumbangan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST).

Dua anugerah merit dianugerahkan kepada UBD x UTB dengan produk 'XINU: ColourCue' dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan produk 'SignaVoice Glove'.

Setiap penerima anugerah merit menerima trofi sumbangan BIBD, sijil dan hadiah wang tunai BND1,000 sumbangan DST.

Bagi Kategori Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan pula, Tazrah Digital Sdn. Bhd. dengan produk 'Tazrah Mobile App' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND5,000 sumbangan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN).

**>> Muka 10**






DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah kepada para pemenang BICTA 2026 (atas kiri, atas kanan dan gambar-gambar di bawah).









**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah kepada para pemenang (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).**





**>> Muka 9**

Satu anugerah merit dianugerahkan kepada SOUL CAT Entertainment Sdn. Bhd. dengan produk BodyTrack yang menerima trofi sumbangan BIBD, sijil dan hadiah wang tunai BND2,500.

Bagi Kategori Khidmat Kemasyarakatan dan Keikutsertaan, NiceFolks dengan produk 'PaceMate' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Khidmat Kemasyarakatan dan Keikutsertaan dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND5,000 sumbangan UNN.

Satu anugerah merit dianugerahkan kepada ChemBuddy Supreme+ dengan produk 'ChemBuddy Supreme+' yang menerima trofi sumbangan BIBD, sijil dan wang tunai BND2,500.

Bagi Kategori Perindustrian, tiada pemenang bagi kategori berkenaan.

Anian Sdn. Bhd. dengan produk 'Smart IoT Manhole Access Monitoring System' diumumkan sebagai penerima anugerah merit dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND2,500.

Untuk Kategori Awam dan Kerajaan juga tiada pemenang dan penerima anugerah merit bagi kategori tersebut.

Bagi Kategori Pemula, SOUL CAT Entertainment Sdn. Bhd. dengan produk 'BodyTrack' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Pemula dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND5,000.

Haus of Nahkya and Co. dengan produk 'Haus of Nahkya' diumumkan sebagai penerima anugerah merit dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND2,500 sumbangan Imagine Sdn. Bhd.

Bagi Kategori Penyelidikan dan Perkembangan, Cognicare Technology dengan produk 'Care4U' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Penyelidikan dan Perkembangan dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND5,000.

Satu anugerah merit dianugerahkan kepada Intelligent Maqraah dengan produk 'Intelligent Maqraah' yang menerima trofi sumbangan BIBD, sijil dan wang tunai BND1,500.

Bagi Kategori Teknologi, DST dengan produk 'MyDST SuperApp' diumumkan sebagai juara bagi Kategori Teknologi dan menerima trofi sumbangan BIBD, sijil serta hadiah wang tunai BND5,000.

Satu anugerah merit dianugerahkan kepada DeepLynx.ai Technologies dengan produk 'DocuSleeve' yang menerima trofi sumbangan BIBD, sijil dan wang tunai BND1,500.

'BodyTrack' oleh SOUL CAT Entertainment Sdn. Bhd. diumumkan sebagai penerima Anugerah Penaung Diraja BICTA 2026 yang dianugerahkan kepada pemenang terbaik keseluruhan daripada kesemua kategori yang dipertandingkan.

SOUL CAT Entertainment Sdn. Bhd. menerima trofi Penaung Diraja BICTA, medalion BICTA sumbangan Progresif Sdn. Bhd. serta hadiah wang tunai BND10,000.





**SEKITAR Majlis Penganugerahan BICTA 2026 yang telah berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan kiri sekali).**



# 4 PEGAWAI KERAJAAN JALANI PENEMPATAN KERJA DI REPUBLIK SINGAPURA







YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat berlepas kepada para peserta (kiri sekali dan kiri).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Ogos. - Seramai empat pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah terpilih untuk mengikuti Program Penempatan Kerja Pegawai Perkhidmatan Awam di Republik Singapura bagi Kohort 3 telah berlepas ke negara berkenaan.

Para peserta terdiri daripada pegawai - pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Program berkenaan merupakan salah satu inisiatif di bawah Memorandum of Understanding (MoU) in Public Service Capacity Development antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura yang telah dimeterai pada 24 Ogos 2022.

Ia memberi peluang kepada pegawai - pegawai berprestasi tinggi dalam Perkhidmatan Awam NBD untuk menjalani penempatan di Kerajaan Republik Singapura atau agensi berkaitan kerajaan selaras dengan bidang kepakaran, keperluan semasa dan keutamaan negara.

Bagi salah seorang peserta, Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, KHEU, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu, penempatan kerja selama setahun itu merupakan peluang berharga untuk menimba pengalaman dan memperluas pengetahuan dalam bidang yang berkaitan.

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD kerana telah memilih saya untuk mengikuti program ini," katanya ketika ditemui media sebelum berlepas ke Republik Singapura.

Menurut beliau, program yang merupakan usaha sama antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) NBD dan Republik Singapura itu akan berlangsung selama setahun bermula 31 Ogos 2026 hingga 30 Ogos 2027.

Beliau akan ditempatkan di One Mosque Sector di bawah Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

"Sebagai persediaan, saya terlebih dahulu mengenal pasti tempat penempatan serta membuat kajian mengenai peranan MUIS dan One Mosque Sector.

"Saya juga telah mengikuti sesi pengenalan dan mesyuarat atas talian bersama pihak MUIS bagi mendapatkan gambaran awal mengenai peranan dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan sepanjang berada di sana," jelasnya.

Selain itu, Awang Haji Asminan turut mengadakan komunikasi melalui telefon dengan pihak MUIS sebagai sebahagian daripada persediaan sebelum memulakan penempatan.

Sementara itu, peserta daripada Kementerian Pendidikan, Pegawai Pelajaran di Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Dayang Nurul Fathiah Bazilah binti Haji Ibrahim berharap agar pengalaman sepanjang mengikuti program tersebut dapat dimanfaatkan apabila kembali berkhidmat di negara ini.

"Saya berharap dapat memperoleh pengalaman baharu serta ilmu pengetahuan yang boleh diterapkan dan dimanfaatkan pada masa akan datang apabila saya kembali ke NBD," katanya.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat berlepas kepada para peserta ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman.

Sebelum bertolak, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Haji Asminan.

# Memperkukuh keupayaan profesional, meneroka pendekatan terkini bidang pemulihan neurorehabilitasi

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**




YANG Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir menyempurnakan Majlis Pelancaran bengkel berkenaan (atas). Manakala gambar bawah kanan, sebahagian daripada yang hadir pada majlis tersebut.

>> Muka 1

Bengkel berkenaan menghimpunkan pakar tempatan dan antarabangsa bagi memperkukuh keupayaan profesional, menggalakkan pertukaran ilmu serta meneroka pendekatan terkini dalam bidang pemulihan neurorehabilitasi.

Bengkel diadakan selaras dengan peningkatan keperluan terhadap perkhidmatan rehabilitasi khusus di NBD. Di BNSRC, jumlah pesakit yang menjalani neurorehabilitasi melalui rawatan dalam wadmeningkat daripada181 orang pada 2024 kepada 211 orang pada 2025, sekali gus menunjukkan keperluan berterusan untuk melabur dalam kepakaran khusus, pembangunan tenaga kerja serta pendekatan inovatif dalam penjagaan pesakit.

Neurorehabilitasi memainkan peranan penting dalam membantu individu yang terjejas akibat keadaan neurologi untuk mendapatkan semula fungsi tubuh, kemandirian dan kualiti hidup. Oleh kerana keperluan rehabilitasi sering kali kompleks, penjagaan memerlukan pendekatan multidisiplin yang melibatkan bidang perubatan rehabilitasi, kejururawatan serta profesional kesihatan bersekutu, dengan pesakit sentiasa menjadi tumpuan utama.

Sementara itu, Pengerusi Borneo Neurorehabilitation Workshop, Dato' Dr. Zaliha binti Omar, dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan penjagaan yang mengutamakan pesakit, intervensi multimodal serta kerja berpasukan secara kolaboratif di samping turut menekankan peranan pendidikan dan inovasi dalam memperkukuh perkhidmatan rehabilitasi.

Bengkel berkenaan menampilkan 23 penceramah dari NBD, Malaysia, Republik Singapura dan Republik Itali, serta disertai oleh lebih daripada 70 peserta dari NBD, Malaysia, Arab Saudi, Republik Rakyat Bangladesh dan Amerika Syarikat, sama ada secara bersemuka mahupun dalam talian.

Program ilmiah bengkel merangkumi bidang- bidang kontemporari termasuk neurorehabilitasi berasaskan bukti, neurorehabilitasi klinikal serta Complementary Integrative Rehabilitation Medicine (CIRM), yang memberikan peluang kepada para peserta untuk mendalami bukti terkini, pendekatan klinikal serta perkembangan baharu dalam bidang berkenaan.

Penyertaan di peringkat serantau dan antarabangsa turut membolehkan para profesional tempatan membuat perbandingan amalan, berkongsi pengalaman serta memperkukuh jaringan kerjasama di Borneo dan rantau yang lebih luas.

Aspek inovasi turut diberi penekanan melalui sesi industri dan pameran khas yang menampilkan para pempamer dari NBD, Malaysia dan Republik Singapura. Sesi-sesi berkenaan memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai teknologi rehabilitasi yang baharu muncul serta penggunaannya dalam amalan klinikal.

Manakala pameran pula mengetengahkan perkembangan termasuk peralatan rehabilitasi gerakan berjalan bagi anggota bawah, teknologi bantuan dan rehabilitasi, serta pendekatan yang meneroka penggunaan tumbuh-tumbuhan dan herba sebagai unsur pelengkap dalam proses pemulihan dan rehabilitasi pesakit.

Kesemua komponen berkenaan memperlihatkan peranan teknologi yang semakin berkembang dalam bidang rehabilitasi, di samping menegaskan bahawa teknologi merupakan pemudah cara dalam penjagaan, manakala pesakit kekal sebagai tumpuan utama dalam pembuatan keputusan klinikal dan pelaksanaan rehabilitasi secara multidisiplin.

Pembangunan BNRWE mencerminkan kemajuan perkhidmatan rehabilitasi di JPMC dan landskap penjagaan kesihatan yang lebih luas di NBD. BNSRC terus memperkukuh peranannya sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang neurosains, strok dan rehabilitasi, manakala JPMC kekal komited untuk memajukan kecemerlangan klinikal, pendidikan, inovasi serta pembangunan perkhidmatan.

Bengkel berkenaan juga merupakan sebahagian daripada aspirasi jangka panjang JPMC untuk membangunkan sebuah Hab Pendidikan Rehabilitasi, yang akan menyediakan peluang kepada para profesional kesihatan untuk menimba ilmu, mengajar, menjalankan penyelidikan, berinovasi serta menyumbang kepada pembangunan berterusan perkhidmatan rehabilitasi yang bersesuaian dengan keperluan NBD dan rantau yang lebih luas.

Borneo Neurorehabilitation Workshop merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh keupayaan neurorehabilitasi di NBD serta kerjasama di peringkat serantau, di samping menyokong perkembangan berterusan bidang rehabilitasi ke arah model penjagaan yang lebih khusus, multidisiplin dan inovatif.



# MAJLIS PENUTUP DIKIR SYARAFIL ANAM TERUS DISEMARAKKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**KILANAS**, Khamis, 27 Ogos. - Masjid Kampung Kilanas terus bergema dengan alunan dikir apabila Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan yang juga memulakan majlis dengan mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar serta Penaung II masjid berkenaan, Dato Paduka Haji Mohd. Rosli bin Haji Sabtu.

Sejurus itu, Majlis Dikir Syarafil Anam diteruskan dengan Assalamualaika yang diketuai oleh imam masjid itu, Awang Muhd. Fahmie bin Haji Awang Metussin.

Lebih menarik pada kali ini, sebanyak 23 pasukan pendikir daripada pelbagai kementerian, jabatan kerajaan, institusi pendidikan, masjid, persatuan dan pelbagai pihak telah mengambil bahagian dalam menyemarakkan lagi majlis pada tahun ini.

Majlis anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas itu merupakan kemuncak kepada pelaksanaan Dikir Maulidur Rasul yang diadakan selama 15 malam berturut-turut, bermula pada 13 Ogos hingga 27 Ogos 2026.

Penganjuran Dikir Maulud berkenaan bukan sahaja menjadi wadah untuk memperingati dan menyemarakkan kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, malah turut mengeratkan silaturahim dalam kalangan penduduk Kampung Kilanas dan jemaah masjid di sekitarnya.

Sepanjang 15 malam pelaksanaannya, masjid berkenaan menyaksikan kehadiran para jemaah yang mengimarahkan rumah Allah dengan ibadah, bacaan Dikir Syarafil Anam serta pengisian tazkirah yang disampaikan sepanjang malam berlangsung.

Keberlangsungan majlis berkenaan turut memperlihatkan semangat gotong - royong dan kerjasama erat masyarakat dalam mengungkayahkan aktiviti keagamaan. Sokongan serta sumbangan orang ramai dalam bentuk sedekah, jamuan dan buah tangan sepanjang majlis turut menjadi antara pemangkin kepada kejayaannya.

Sambutan yang menggalakkan daripada jemaah dan penduduk Kampung Kilanas serta kawasan sekitar jelas memperlihatkan kesungguhan masyarakat untuk bersama-sama mengimarahkan masjid dan menghidupkan syiar Islam.

Pada masa yang sama, kegiatan seumpama ini menyerlahkan peranan masjid bukan sekadar sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat penyatuan masyarakat, pengukuhan ukhuwah dan penyebaran ilmu serta nilai-nilai keagamaan.

Bukan itu sahaja, penganjuran Dikir Maulud selama 15 malam itu juga selaras dengan tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini, 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah', yang mengajak masyarakat menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh dan panduan dalam memperkukuh akidah serta menjalani kehidupan berlandaskan ajaran Islam.




# MoU ketengahkan kesiapsiagaan, tindak balas terhadap bencana

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah




MAJLIS penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) Borneo Island telah berlangsung di Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) di Kompleks Annajat, Beribi, di sini.

**BERIBI**, Rabu, 26 Ogos. - Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (MRCS) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Borneo Island bagi memperkukuh kerjasama kemanusiaan serta kesiapsiagaan dan tindak balas terhadap bencana di kawasan Pulau Borneo.

Majlis penandatanganan tersebut berlangsung di Ibu Pejabat BRC di Kompleks Annajat, Beribi, pagi tadi.

Berangkat bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU berkenaan Yang Teramat Mulia Brigedier Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah, selaku Pengerusi Kebangsaan MRCS.

Yang Teramat Mulia Brigedier Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam rangka Lawatan Rasmi ke Ibu Pejabat BRC.

Lawatan tersebut turut menjadi platform penting dalam memperkukuh hubungan kerjasama dan jaringan kemanusiaan antara kedua-dua Persatuan Bulan Sabit Merah, khususnya dalam bidang pengurusan bencana, kesiapsiagaan kecemasan, bantuan kemanusiaan dan pembangunan kapasiti.

Menerusi MoU yang dijalinkan, ia mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk memperkukuh kerjasama kemanusiaan serta mekanisme tindak balas bencana merentasi sempadan, khususnya yang melibatkan kawasan di Pulau Borneo termasuk Sabah dan Sarawak, di samping kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan serta keperluan kemanusiaan rentas sempadan.

MoU berkenaan juga membuka ruang kepada kerjasama yang memberikan tumpuan kepada aspek pengurusan dan pengurangan risiko bencana, perkongsian maklumat, pelaksanaan bantuan kemanusiaan bersama, pembangunan kapasiti serta penyelarasan tindak balas kecemasan.

Selain Majlis Penandatanganan MoU, lawatan Yang Teramat Mulia Brigedier Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz turut diisikan dengan Sesi Muzakarah bersama Ahli Lembaga Jemaah Tadbir BRC.

Menerusi sesi muzakarah tersebut, ia menjadi platform bagi pertukaran pandangan mengenai perkembangan semasa, cabaran dan hala tuju kerjasama kemanusiaan antara kedua-dua persatuan kebangsaan.

Semasa lawatan berkenaan, YTM Brigedier Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz turut berpeluang menyaksikan pameran dan demonstrasi simulasi menyelamat yang memperlihatkan keupayaan serta tahap kesiapsiagaan BRC dalam memberikan respons terhadap situasi kecemasan dan bencana.

Atur cara lawatan seterusnya menyaksikan YTM Brigedier Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz mengadakan lawatan ke BRC National Emergency Operations Centre (NEOC) bagi melihat dengan lebih dekat fungsi dan peranan pusat berkenaan dalam menyokong koordinasi serta pengurusan tindak balas terhadap bencana dan situasi kecemasan.

# Pendaftaran Peperiksaan SPB Oktober 2026 kini dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BERAKAS**, Rabu, 26 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan telah membukakan pendaftaran Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) bagi bulan Oktober 2026.

Pendaftaran peperiksaan adalah dibukakan kepada calon-calon yang berdaftar di Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan (CET) dan calon-calon persendirian.

Borang pendaftaran dan keterangan lanjut berkaitan pendaftaran boleh diperoleh di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka mulai Khamis, 27 Ogos 2026 hingga Khamis, 24 September 2026.

Pembayaran bolehlah dibuat di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan secara wang tunai sahaja pada setiap Isnin hingga Khamis pada sebelah pagi dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan sebelah petang dari pukul 1.30 petang hingga 2.30 petang kecuali Sabtu, yang bermula pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi sahaja.

Borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap berserta dengan dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada Khamis, 24 September 2026.

# Memastikan AI jadi alat membantu ilmu, dakwah



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan ucapan perasmian pada Seminar Antarabangsa Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa 3 (SAKAPES 3) di Dewan Tarbiah, KUPU SB, di sini.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) membawa manfaat yang besar. Ia boleh membantu mencari, menyusun, menterjemah dan menganalisis maklumat dengan pantas.

Namun, AI juga boleh menghasilkan jawapan yang kelihatan meyakinkan tetapi tidak tepat, mereka-reka sumber, menghasilkan audio atau visual palsu serta mempercepat penyebaran maklumat yang salah. Dalam perkara agama, kesilapan seperti ini bukan kecil kerana ia boleh menyentuh akidah, hukum, ibadah dan keharmonian masyarakat.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan semasa menyampaikan ucapan perasmiannya pada Seminar Antarabangsa Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa 3 (SAKAPES 3) bertempat di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan tema 'Integrasi Nilai Ahli Sunnah Waljamaah di Era AI' amat bertepatan dengan keperluan semasa.

"Persoalan utama kita bukan lagi sama ada teknologi ini akan digunakan kerana ia sudah berada dalam pendidikan, penyelidikan, pentadbiran dan kehidupan harian. Persoalannya ialah : Atas landasan apakah teknologi ini harus digunakan dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap hasilnya?" ujar Yang Berhormat.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), terang Yang Berhormat, landasan itu jelas, Artikel 3(1) Perlembagaan NBD menetapkan Islam sebagai ugama rasmi negara, manakala Artikel 2(1) mentakrifkan agama Islam sebagai ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Syafi'i. Oleh itu, Ahli Sunnah Waljamaah bukan sekadar bidang perbahasan akademik, bahkan asas yang menuntun pendidikan, dakwah dan pentadbiran agama di negara ini.

Kedudukan ini, terang Yang Berhormat lagi, diperteguhkan lagi melalui titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Antaranya titah baginda sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara pada 4 Julai 2026. Baginda berharap supaya semangat Ilal Hijrah benar-benar dihayati bagi 'memperkukuh akidah Ahli Sunnah Waljamaah melalui pembangunan modal insan seimbang'. Titah ini memberikan arah yang nyata, bahawa kemajuan ilmu dan teknologi mesti bergerak bersama keteguhan akidah dan kemuliaan akhlak.

Lebih mutakhir, dalam Titah Perutusan baginda sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah / 2026 Masihi pada 24 Ogos 2026, baginda mengingatkan supaya kita 'tidak mudah menerima segala pendapat daripada sumber digital yang tidak diketahui kesahihannya, melainkan perlu dirujuk kepada institusi ugama berautoriti'. Peringatan ini amat bertepatan dengan fokus seminar ini.

"Justeru, yang kita perlukan bukan penolakan terhadap AI dan bukan juga penerimaan tanpa batas. Yang kita perlukan ialah pemanfaatan yang dipandu oleh akidah, syarak dan akhlak. Setiap kandungan agama yang dihasilkan atau dibantu oleh AI hendaklah dinilai berdasarkan tiga ukuran : sahih sumbernya, betul kefahamannya dan baik kesannya," ujar Yang Berhormat lagi.

Kongsi Yang Berhormat, pertama, sahih sumbernya. AI bukan sumber berautoriti dan jawapannya tidak boleh dianggap sebagai fatwa, Irsyad Hukum atau keputusan muktamad. Rujukan asal mesti dijejaki, nas mesti diperiksa dan kenyataan mesti disahkan dengan kitab-kitab muktabar serta pihak berautoriti. Kepantasan mendapatkan jawapan tidak boleh menggantikan ketelitian mencari kebenaran.

Kedua, tambah Yang Berhormat, betul kefahamannya. Teks yang sahih sekalipun boleh disalah fahami apabila dipetik tanpa mengambil kira konteksnya, ditafsir tanpa berpandukan kaedah ilmu dan diterima tanpa bimbingan ulama. Dalam urusan akidah dan syariah, autoriti ilmu hendaklah kekal pada para ulama, ilmuwan dan institusi ugama yang berkelayakan. AI boleh membantu kerja ilmiah tetapi tidak boleh mengambil tempat disiplin ilmu, adab berguru dan pertanggungjawaban manusia.

Ketiga, jelas Yang Berhormat, baik kesannya. Kandungan yang tepat dari segi maklumat belum tentu wajar disebarkan jika ia membuka aib, melanggar privasi, menimbulkan fitnah atau memecahbelahkan masyarakat. Nilai amanah, keadilan, ihsan dan maslahat hendaklah hadir sejak data dipilih dan pertanyaan dirangka, sehinggalah jawapan dinilai dan kandungan disebarkan.

Prinsip ini menepati tuntutan *tabayyun* (iaitu menyelidik, menyemak dan memastikan kebenaran sesuatu maklumat sebelum menerimanya atau menyebarkannya) ujar Yang Berhormat.

"Semangat *tabayyun* ini mesti diperluas kepada setiap hasil AI. Jangan disebarkan hanya kerana bahasanya kemas. Jangan diterima hanya kerana jawapannya pantas. Semak siapa sumbernya, apa dalilnya, bagaimana konteksnya dan apakah akibat menyebarkannya," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, negara kita melalui Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) dengan kerjasama Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan Etika AI, telah menyediakan 'Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika AI untuk Brunei Darussalam' (Guide on AI Governance and Ethics for Brunei Darussalam).

Garis panduan ini, kongsi Yang Berhormat, antaranya menggariskan tujuh prinsip utama bagi penggunaan AI yang bertanggungjawab iaitu Ketelusan dan Kebolehjelasan; Perlindungan dan Tadbir Urus data; Keselamatan dan Ketenteraman; Ketahanan dan Kebolehpercayaan; Keadilan dan Kesaksamaan; Berpusatkan Manusia dan Kebertanggungjawaban dan Integriti.

"Panduan yang disediakan dalam garis panduan ini dihasratkan sebagai amalan dan perlindungan yang perlu dipraktikkan oleh organisasi yang membentuk, membangunkan, menggunakan dan memanfaatkan teknologi AI di NBD.

"Panduan tersebut bersifat umum dan merentas sektor. Maka seminar ini berpeluang menambah dimensi yang khusus bagi pengajian dan penyampaian agama. Iaitu bagaimana prinsip tadbir urus tersebut diperkukuh berdasarkan tuntutan akidah, syarak, akhlak dan kesahihan sumber menurut pegangan Ahli Sunnah Waljamaah," ujar Yang Berhormat.

KUPU SB, tegas Yang Berhormat, turut memikul peranan yang penting. Ini kerana jika diamati seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Titah Perutusan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 24 Ogos 2026 yang lalu, baginda ada bertitah, "*Beta juga menyeru ibu bapa, guru-guru serta seluruh institusi pendidikan memainkan peranan aktif dalam membimbing dan mengukuhkan akidah generasi muda*". Maka petikan titah ini turut memperjelas lagi tanggungjawab KUPU SB sebagai institusi yang melahirkan pendidikan agama.

Peranan aktif itu, tambah Yang Berhormat, bukan sekadar menyampaikan ilmu, bahkan membimbing generasi muda berpandukan akidah Ahli Sunnah Waljamaah, membetulkan kekeliruan serta membiasakan mereka merujuk persoalan agama kepada sumber dan institusi yang berautoriti.

Dalam konteks AI, para pensyarah dan bakal guru perlu dilengkapkan bukan sahaja dengan kemahiran menggunakan teknologi dan menilai keterbatasannya, tetapi juga dengan keupayaan membimbing pelajar menggunakannya secara beradab, amanah dan bertanggungjawab.

Yang Berhormat dalam pada itu, turut melahirkan harapan agar seminar ini tidak berakhir sebagai himpunan kertas kerja semata-mata.

Yang Berhormat mencadangkan KUPU SB supaya mempertimbangkan kesesuaian bagi menggerakkan usaha bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan agensi-agensi berkaitan untuk menilai dan meneliti tiga tindakan utama iaitu garis panduan penggunaan AI menyediakan panduan penggunaan AI dalam pengajian, penyelidikan, pengajaran dan penyampaian utama, termasuk tatacara semakan sumber dan tanggungjawab pengguna.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat, pusat rujukan digital rasmi pula, menghimpunkan sumber digital tempatan yang berautoriti mengenai akidah Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafi'i, fatwa, irsyad dan bahan pendidikan ugama yang diterbitkan dan yang telah disahkan lulus untuk memudahkan rujukan yang tepat.

Manakala Literasi AI berterusan, tambah Yang Berhormat membangunkan latihan untuk pensyarah, mahasiswa, guru ugama dan bahkan pendakwah dan pegawai masjid yang meliputi penggunaan beretika, pengesahan maklumat, perlindungan data dan keselamatan digital.

Yang Berhormat seterusnya menyeru untuk memastikan AI menjadi alat yang membantu ilmu dan dakwah. Bukan alat yang mengelirukan manusia daripada kebenaran.

Semoga usaha ini melahirkan generasi yang cekap memanfaatkan teknologi, teguh akidahnya, luhur akhlaknya dan amanah terhadap ilmu, generasi yang menyumbang kepada kemajuan negara tanpa kehilangan jati diri Islam.

# MEMPERKUKUH DAKWAH, KEMBANGKAN LITERASI KEISLAMAN GENERASI DIGITAL

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dan Fakulti Usuluddin menganjurkan Seminar Antarabangsa Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa 3 (SAKAPES 3) selama dua hari, pada 26 dan 27 Ogos 2026.

Sehubungan itu, hadir bagi merasmikan SAKAPES 3 yang berlangsung di Dewan Tarbiah, KUPU SB ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis perasmian turut diisikan dengan pembentangan kertas utama bertajuk 'Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah Dalam Menghadapi Era Digital' yang disampaikan oleh Ketua Umum Pengurus Besar Darud Da'wah wa' Irsyad dan Ahli Majelis Ulama Indonesia, Sulawesi Selatan Indonesia, Profesor Dr. AGH. Syamsul Bahri Andi Galigo.

Dalam pembentangannya, Profesor Dr. AGH. Syamsul Bahri Andi Galigo antara lain menyentuh mengenai media digital dan Kecerdasan Buatan (AI) membuka peluang besar untuk memperluas akses pembelajaran, meningkatkan kecekapan pendidikan Islam, memperkukuh dakwah dan mengembangkan literasi keislaman generasi digital.

Beliau seterusnya menjelaskan, prinsip Maqasid Syariah dapat memastikan media digital dan AI digunakan untuk kemaslahatan umat, pemeliharaan martabat manusia dan keseimbangan antara kecerdasan intelektual dengan spiritual.

Bertemakan 'Integrasi Nilai Ahli Sunnah Waljamaah di Era AI', SAKAPES 3 telah menarik minat lebih 35 pembentang dan 300 peserta yang terdiri daripada ahli akademik, penyelidik, pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa mahasiswi dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi mahupun prauniversiti, Pertubuhan Bukan Kerajaan, pihak swasta dan orang awam.

SAKAPES 3 antara lain bertujuan untuk memperkukuh kefahaman ilmiah manhaj Ahli Sunnah Waljamaah di samping menggalakkan penggunaan AI secara berhemah dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam. Seminar ini juga sangat relevan dengan risalah KUPU SB sebagai peneraju dalam bidang perguruan ugama dan pendidikan Islam.

Hal ini selaras dengan objektif Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, KUPU SB untuk menjadi pusat kajian dan penyelidikan ilmiah yang unggul berhubung kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, demi memenuhi keperluan masyarakat, negara dan ummah secara keseluruhannya.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan kerajaan serta para pembentang dan peserta seminar.



**ANTARA para peserta yang hadir pada seminar tersebut.**

# PELANCARAN LAMAN SESAWANG, BUKU BAHARU TERBITAN JABATAN MUFTI KERAJAAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Istinbat, Awang Haji Jakaria bin Haji Hitam, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pentadbiran JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan khas daripada tetamu kehormat sebelum upacara pelancaran rasmi disempurnakan.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan antara lain berkata dunia pada hari ini bergerak pantas didorong oleh gelombang revolusi digital yang bukan lagi satu pilihan, tetapi telah menjadi satu keperluan.

Bagi sebuah institusi keagamaan seperti Jabatan Mufti, jelasnya kerja menyampaikan panduan hukum, fatwa, dan kefahaman Islam yang sahih adalah satu kewajipan mendesak.

Tegasnya, peralihan JMK ke era digital melalui pelancaran laman sesawang yang dikemas kini merupakan satu langkah strategik dan inovatif.

Ia tegasnya lagi, melambangkan komitmen jabatan ini untuk menembusi sempadan konvensional, menjadikan maklumat keugamaan lebih dekat di hujung jari.

Kandungan yang baik tanpa saluran penyampaian yang berkesan, katanya akan sukar dicapai, manakala laman sesawang atau saluran yang terkini tanpa pengisian ilmu yang bermanfaat dan mantap pula tiada nilainya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan laman sesawang JMK yang dikemas kini dan dilancarkan pada hari ini adalah satu langkah strategik dalam memperkasa penyampaian dan perkhidmatan maklumat serta kefahaman Islam secara digital.

Seiring perkembangan teknologi ini, Yang Berhormat menegaskan bahawa JMK tidak akan pernah menyisihkan tradisi ilmu tulisan.

"Sebagai seorang yang banyak meluangkan masa dalam bidang penulisan dan penyelidikan, peramba / saya melihat tugas menulis bukanlah sekadar satu pekerjaan rutin. Menulis buku-buku ugama atau risalah ilmiah adalah satu tanggungjawab besar," tegasnya.

Melalui tulisan tambahnya, kita adalah menyampaikan fahaman, menjawab persoalan masyarakat, dan yang paling penting, kita meninggalkan (menitipkan) bahan rujukan yang jujur dan sahih untuk generasi demi generasi.

Menurut Yang Berhormat, buku yang baik tidak terhasil secara tergesa-gesa, tetapi ia memerlukan kajian yang mendalam, semakan fakta yang teliti, dan penyampaian bahasa yang mudah.

"Pelancaran Buku Terbitan Terbaharu pada hari ini adalah bukti komitmen berterusan Jabatan Mufti Kerajaan dalam mendidik masyarakat menerusi pembacaan. Peramba / Saya berharap buku ini tidak sekadar disimpan sebagai koleksi atau perhiasan rak buku, tetapi dibaca, dibincangkan, dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh para akademik, pelajar, mahupun masyarakat umum," tegasnya.



Menyentuh mengenai buku 'Khutbah 'Idul-Adhha 1447H/2026M', Yang Berhormat menjelaskan isi buku tersebut diolah untuk menunjukkan Nabi Ibrahim Alaihissalam bukan sahaja Nabi dan Rasul, malah arkitek sajagat membangun dunia dengan doa Baginda sehingga seluruh umat Islam pada zaman Baginda sampai ke hari kiamat dapat menikmati kemakmuran melalui kesuburan bumi Mekah.

Allah Subhanahu Wata'ala, katanya menyuruh kita menyebut-nyebut nikmat-Nya untuk disyukur, sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Ad-Duha ayat 11 tafsirnya, "*Terhadap nikmat Tuhanmu, hendaklah engkau menyebut-nyebutnya sebagai tanda syukur*".

Maka di samping menyebut nikmat subur dan aman negeri Mekah, Yang Berhormat juga tersuntik untuk menyebut nikmat Allah kepada Brunei.

Katanya Brunei adalah betul-betul mirip seperti Mekah, dari segi ia juga turut kita bangun dengan doa, dengan zikir dan dengan Al-Quran.

"Memang Brunei adalah benar-benar tidak pernah sunyi dari doa, dari zikir dan dari Al-Quran," tegas Yang Berhormat.



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat di Ruang Legar, Darulifta Brunei Darussalam bagi menyempurnakan pelancaran laman sesawang serta buku terbaharu tersebut (atas). Manakala gambar atas kiri, Buku 'Khutbah 'Idul-Adhha 1447H/2026M'.**

Kerana itu, tegasnya Brunei pun kita dapati sentiasa dalam selamat. Apabila pandemik COVID-19 menyerang dunia, Brunei tidak panik, sebaliknya kita cepat-cepat bertindak mengadakan rancangan mendepani wabak, iaitu dengan doa, dengan zikir dan dengan Al-Quran.

Selain kita membacanya di masjid-masjid dan di rumah-rumah, ia juga kita jadikan siaran tetap di radio dan televisyen. Malah setelah COVID-19 berakhir pada 2023, rancangan ini masih sahaja kekal berjalan terus sampai ke hari ini.

Pelancaran laman sesawang baharu ini diharapkan dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat awam untuk mengakses maklumat keagamaan dan fatwa secara digital dengan lebih meluas.

Manakala, buku terbaharu yang dilancarkan, 'Khutbah 'Idul-Adhha 1447H/2026M', mengupas secara mendalam tentang hakikat ibadat korban yang bukan sekadar penyembelihan haiwan dan pengagihan daging kepada mereka yang berhak, malah tersimpan daripadanya kisah agung yang penuh pengajaran mengenai keimanan, kesabaran, serta penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah.

Majlis tersebut turut menyaksikan Yang Berhormat Mufti Kerajaan menyempurnakan penandatanganan buku terbaharu terbitan jabatan dan dilanjutkan dengan penyampaian Wakaf Buku kepada para penerima.

Bagi memohon keberkatan, majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang disampaikan oleh Pegawai Istinbat, Awang Haji Jakaria bin Haji Hitam.

# BruIPO, CNIPA meterai MoU kerjasama bidang harta intelek

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara



**YANG Berhormat Peguam Negara hadir bagi menandatangani MoU tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).**

**REPUBLIK SINGAPURA**, Jumaat, 28 Ogos. - Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO), Pejabat Peguam Negara dan Pentadbiran Harta Intelek Negara China (CNIPA) baru-baru ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang harta intelek di mesyuarat sampingan sempena Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Kerjasama Harta Intelek (AWGIPC) Ke-79 yang berlangsung dari 24 hingga 28 Ogos 2026 di Republik Singapura.

Menandatangani MoU bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; manakala Pesuruhjaya CNIPA, Dr. Shen Changyu pula menandatangani bagi pihak CNIPA.

MoU berkenaan mewujudkan rangka kerja rasmi bagi memperkukuh kerjasama antara BruIPO dan CNIPA dalam beberapa bidang harta intelek, termasuk paten, reka bentuk perindustrian, tanda perniagaan dan petunjuk geografi.

MOU berkenaan juga menyediakan asas bagi kedua-dua pejabat untuk bertukar-tukar maklumat, pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik, serta melaksanakan aktiviti kerjasama yang dipersetujui bersama.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Peguam Negara menekankan kepentingan merealisasikan MoU berkenaan kepada kerjasama yang praktikal antara kedua-dua pejabat.

Yang Berhormat turut menyatakan penghargaan BruIPO kepada CNIPA atas sokongan berterusan dalam pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan, serta menyatakan hasrat untuk meneruskan kerjasama melalui pertukaran teknikal, perkongsian amalan terbaik dan inisiatif-inisiatif lain, termasuk cadangan penganjuran bengkel mengenai Petunjuk Geografi di NBD pada 2027.



Yang Berhormat juga menyatakan bahawa penandatanganan MoU berkenaan berlangsung pada tahun yang menandakan ulang tahun ke-35 penubuhan hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Rakyat China.

Bagi Luqman, impian itu bukan sekadar angan-angan yang hanya bermain dalam fikirannya. Ia adalah suatu yang perlu dikejar dengan usaha yang gigih, kesabaran yang tinggi dan doa yang bersungguh-sungguh. Setiap kali melihat rakan-rakannya memiliki kelebihan yang jauh lebih baik dari dirinya, kadangkala hatinya berasa kecil dan tertanya-tanya adakah dia mampu mencapai cita-citanya dan mengharumkan nama keluarganya. Namun, kata-kata ibunya sentiasa menjadi sumber kekuatan dan suntikan semangat baginya.

Suatu ketika, ibunya melihat Luqman terduduk diam di depan pintu selepas pulang dari sekolah lalu berkata, *“Anakku, jangan pernah merasakan dirimu kurang hanya kerana kamu tidak memiliki apa yang orang lain ada. Kejayaan bukan diukur daripada siapa yang bermula lebih awal, tetapi siapa yang tidak berhenti melangkah,”* pesan ibunya.

Ungkapan itu sentiasa tersemat dalam hati Luqman. Dia mula memahami bahawa setiap orang mempunyai perjalanan hidup yang berbeza. Ada yang berjaya dengan cepat, tetapi ada juga yang perlu melalui jalan yang panjang dan berliku sebelum mencapai impian yang diinginkan.

*“Ibu, saya sudah berusaha sedaya upaya tetapi keputusan saya masih belum seperti yang saya harapkan. Mungkin saya tidak cukup bijak untuk mencapai impian saya,”* jawab Luqman dengan nada perlahan.

Ibunya tersenyum lalu berkata, *“Kegagalan bukanlah tanda kamu perlu berhenti. Ia hanya satu pelajaran supaya kamu tahu bagaimana untuk menjadi lebih kuat. Sedangkan pokok yang tinggi lagi bermula daripada sebiji benih yang kecil. Yang penting jangan berhenti tumbuh. Sabar, usahakan saja. Mama sentiasa mendoakan yang terbaik untuk Luqman”.*

Kata-kata itu membuatkan Luqman kembali bangkit. Dia sedar bahawa kegagalan bukanlah pengakhiran kepada impian tetapi sebahagian daripada menuju kejayaan. Hari peperiksaan sudah pun semakin hampir, Luqman mula memperbaiki cara belajarnya, meminta bantuan guru dan tidak malu bertanya apabila tidak memahami sesuatu perkara. Walaupun sering kali mendapat keputusan yang tidak baik di sekolah, ia tidak memutuskan harapan dan semangat Luqman untuk terus belajar dan berusaha dengan sedaya upaya.

Ketika hari peperiksaan sudah tiba, Luqman menziarahi pusara ayahnya bersama ibunya sebelum berangkat ke sekolah dan memohon doa agar segala urusannya dipermudahkan ketika menghadapi peperiksaan yang menentukan jalan hidupnya.

*“Walaupun ayah sudah lama pergi, Luqman akan tetap mendoakan untuk ayah dan sentiasa berusaha demi membanggakan ayah,”* jelasnya.

Hari demi hari berlalu, usahanya mula membuahkan hasil. Luqman yang dilihat dahulunya hanya sebagai seorang pelajar yang dungu mula memperjuangkan pembelajarannya dengan kesungguhan. Namun, Luqman tetap merendahkan diri kerana dia menyedari bahawa kejayaan bukan sahaja hasil daripada dirinya sendiri tetapi juga berkat doa ibunya, tunjuk ajar guru dan sokongan orang sekelilingnya.

Setelah musim peperiksaan selesai, Luqman menghabiskan masanya dengan menolong ibunya menjual kuih-muih di gerai. Ketika sampai di rumah setelah berjaja, ibunya melihat Luqman yang hanya duduk termenung di meja dapur. Wajah anaknya jelas menunjukkan kerisauan yang mendalam.

*“Luqman, jangan risau terhadap peperiksaanmu yang sudah lalu, tunggu saja keputusannya dan perbanyakanlah doa, berserah dirilah kepada Allah Ta’ala,”* ungkap ibunya.

*“Kesungguhanmu yang ibu lihat sudah cukup menyejukkan hati ibu. Kadangkala Allah Ta’ala melambatkan sesuatu bukan kerana dia tidak memberi, tetapi dia sedang mempersiapkan untuk sesuatu yang lebih baik,”* tambah ibunya. Kata-kata itu membuatkan hati Luqman kembali tenang dan dia bersyukur dengan usaha yang sudah dilakukannya.

Setelah beberapa minggu, keputusan peperiksaan sudah pun dimaklumkan oleh pihak sekolah. Ketika perjumpaan bersama guru, hati Luqman penuh debaran menantikan keputusannya.

Dia tidak menyangka dengan mendapatkan keputusan yang sangat cemerlang dan dapat melanjutkan pembelajarannya ke institusi yang lebih tinggi lagi. Hatinya yang penuh kegembiraan dan rasa bersyukur atas segala usahanya terbalas dengan keputusan yang amat menggalakkan. Dia juga dinobatkan sebagai pelajar cemerlang di sekolahnya sekali gus merangkul anugerah pelajar contoh.

Setelah selesai perjumpaan, guru kelasnya lalu berkata, *“Luqman, cikgu lihat kamu semakin berusaha dalam ingin mencapai cita-citamu. Selepas ini, kamu akan melangkah ke alam universiti. Ingatlah, jangan berhenti melangkah. Kadangkala kejayaan besar bermula daripada langkah kecil yang dilakukan setiap hari,”* pesan cikgunya. Kejayaan itu membuatkan Luqman berasa bangga dan bersyukur atas usaha yang telah dia lakukan selama ini.

Beberapa bulan kemudian, Luqman berjaya melanjutkan pelajarannya ke institusi yang diimpikannya. Dia berdiri seketika di hadapan pintu universiti sambil mengimbau kembali perjalanan hidupnya. Dia teringat saat-saat sukar yang mencabar kekuatan hatinya. Kesukaran yang pernah membuatnya hampir berputus asa dan nasihat ibunya yang sentiasa menjadi pembakar semangat. Luqman tersenyum kerana menyedari bahawa setiap langkah kecil yang dahulunya telah membawa ke tempat yang lebih jauh daripada yang pernah dibayangkan.

Pada hari itu, Luqman menggenggam tangan ibunya sambil menahan air mata. Dia menganggap bahawa ibunyalah yang membantunya untuk berjaya ke tahap yang lebih tinggi. Manakala, ibunya juga tidak menyangka akan anaknya bahawa usaha yang gigih Luqman itu dapat menyinari masa depan anaknya.

*“Ibu, terima kasih kerana tidak pernah membiarkan saya berhenti bermimpi. Terima kasih mendoakan kejayaan Luqman sentiasa memberi semangat untuk Luqman,”* ujar Luqman.

Ibunya tersenyum lalu berkata, *“Bukan ibu yang membawa kamu ke sini, Luqman. Kamu sendiri yang memilih untuk terus berjalan walaupun jalannya sukar”.* Kini dia sedar, semua itu bukanlah cabaran yang sia-sia. Setiap kesusahan adalah guru yang mengajarnya tentang kesabaran dan ketabahan hati.

Kisah Luqman mengajar bahawa kejayaan bukan hanya tentang mencapai ke puncak begitu sahaja, tetapi tentang perjalanan yang dilalui untuk sampai ke menara gading bukanlah suatu perjalanan yang mudah. Setiap usaha kecil, setiap kegagalan dan setiap cabaran adalah batu loncatan yang membentuk seseorang untuk menjadi lebih kuat.

Impian tidak akan tercapai hanya dengan berharap dan angan-angan sahaja. Ia memerlukan usaha, kesabaran dan keyakinan yang tinggi. Walaupun langkah yang diambil kecil, jangan pernah meremehkannya kerana langkah kecil itulah yang akhirnya membawa seseorang menuju impian yang besar.

# DIKENAKAN DENDA KOMPAUN ATAS KESALAHAN MEMBUANG SAMPAH





**JABATAN Bandaran Bandar Seri Begawan (JB BSB) melalui Seksyen Penguatkuasaan mengenakan denda kompaun ke atas seorang individu warga asing atas kesalahan membuang sampah di tempat awam (kanan dan atas).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JB BSB) melalui Seksyen Penguatkuasaan telah mengenakan denda kompaun ke atas seorang individu warga asing pada 8 Ogos 2026 berikutan kesalahan membuang sampah di tempat awam di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Individu berkenaan ialah Chung Yu Hua, dan telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND300 di bawah Bab 12 (1)(e) Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) selepas didapati membuang puntung rokok di kawasan luar Pasar Ikan Gadong.

JB BSB ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat, serta pemilik premis perniagaan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) sekiranya kebersihan alam sekitar tidak dijaga bersama.

Bagi kes yang sabit kesalahan, denda maksimum yang boleh dikenakan adalah sebanyak BND30,000, hukuman penjara tidak melebihi tempoh 12 bulan, atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai, pihak syarikat, dan pemilik premis perniagaan adalah disarankan supaya tidak membuang, melonggokkan, menumpahkan, atau meninggalkan apa jua jenis sampah-sarap, cecair, mahupun sisa perniagaan di sebarang tempat awam.

Sebarang aduan atau perkongsian maklumat berhubung kesalahan kebersihan boleh disalurkan terus melalui Talian Hotline Seksyen Penguatkuasaan di +673 7291122.

# Sebuah syarikat, 2 individu dikenakan denda kompaun




**ANTARA kesalahan yang telah didapati semasa Operasi Bersih 09/2026 di beberapa kawasan di bawah kawalan bandaran (atas dan bawah).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JB BSB) melalui Seksyen Penguatkuasaan telah mencatatkan tiga kes pelanggaran di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), Bab 12(1) semasa melaksanakan Operasi Bersih 09/2026 di beberapa kawasan di bawah kawalan bandaran pada 11 Ogos 2026.

Hasil daripada operasi berkenaan, tindakan denda kompaun telah dikenakan ke atas sebuah syarikat dan dua individu seperti berikut, iaitu kes pertama, Syarikat Fateh Sdn. Bhd. telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND500 di bawah Bab 12 (1)(a) kerana kesalahan meninggalkan bekas paip plastik terpakai di kawasan belakang premis Bangunan Pg. Haji Menudin Complex, Batu Bersurat, Bandar Seri Begawan.

Manakala kes kedua pula, iaitu seorang individu, Md. Ismail Hossen telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND300 di bawah Bab 12 (1)(e) kerana kesalahan membuang abu dan puntung rokok di kawasan belakang Bangunan SKH, Kampung Kiarong.

Sementara kes ketiga juga seorang individu, Muhammad Albarr telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND300 di bawah Bab 12 (1)(e) kerana kesalahan membuang abu dan puntung rokok di kawasan belakang Bangunan SKH, Kampung Kiarong.

JB BSB ingin memperingatkan orang ramai, pihak syarikat, serta pemilik premis perniagaan bahawa kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), tindakan tegas boleh diambil dengan denda maksimum jika sabit kesalahan adalah sebanyak BND30,000 atau hukuman penjara tidak melebihi tempoh 12 bulan, atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai dan pihak peniaga disarankan agar tidak membuang, melonggokkan, atau meninggalkan sebarang sampah-sarap mahupun sisa perniagaan di kawasan awam.

Sebarang aduan atau maklumat mengenai kesalahan kebersihan boleh disalurkan terus ke Talian Hotline Seksyen Penguatkuasaan di +673 7291122.




# 4 pemilik kenderaan dikenakan denda kompaun

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Ogos. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JB BSB) melalui Unit Penguatkuasaan Aset Bandaran dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan satu operasi pemeriksaan bersepadu, bertempat di kawasan Pasar Gadong dan Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

Hasil daripada pemeriksaan berkenaan, pihak PPDB telah mengeluarkan denda kompaun terhadap pemilik empat buah kenderaan atas kesalahan meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak dikhaskan sebagai ruang letak kereta, di bawah Akta Lalu Lintas Jalan Raya (Penggal 68).

Pihak JB BSB ingin mengingatkan para pengunjung dan pengusaha di kawasan berkenaan agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas yang ditetapkan. Langkah berkenaan penting bagi memastikan kelancaran arus lalu lintas, keselesaan awam, serta keselamatan para pengguna jalan raya di kawasan komersial berkenaan.

Tindakan undang-undang dan penguatkuasaan akan terus dijalankan secara berperingkat dari semasa ke semasa bagi menangani isu letak kereta secara tidak teratur.



**OPERASI pemeriksaan bersepadu bertujuan supaya para pengunjung dan pengusaha di kawasan tersebut sentiasa mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas yang ditetapkan.**

# Penutupan sementara Jeti Sungai Lampai

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Ogos. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JB BSB) ingin memaklumkan kepada orang awam, khususnya para pengguna pengangkutan air dan penduduk sekitarnya, mengenai penutupan sementara Jeti Sungai Lampai untuk kegunaan awam bermula Selasa, 11 Ogos 2026.

Penutupan berkenaan adalah susulan daripada hasil pemeriksaan teknikal yang dijalankan oleh pihak jabatan, yang mendapati struktur jeti berkenaan telah mengalami kerosakan dan berada dalam keadaan tidak selamat untuk digunakan.

Langkah penutupan berkenaan diambil demi menjamin keselamatan awam sehingga kerja-kerja pembaikan dan pemulihan selesai dilaksanakan.

Sebagai langkah alternatif bagi urusan pergerakan keluar dan masuk sepanjang tempoh penutupan berkenaan, orang awam adalah disarankan untuk menggunakan Jeti Bubungan Dua Belas.

Pihak JB BSB memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul dan amat menghargai perhatian serta kerjasama orang awam berhubung perkara berkenaan demi keselamatan bersama.

Kerjasama dan perhatian orang awam berhubung perkara berkenaan adalah sangat dihargai.



**PENUTUPAN sementara Jeti Sungai Lampai adalah kerana struktur jeti berkenaan telah mengalami kerosakan dan berada dalam keadaan tidak selamat untuk digunakan.**

# SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME, SIFAT PERPADUAN DALAM KALANGAN PELAJAR




**TAKLIMAT Kenali ASEAN tersebut disampaikan oleh Pemangku Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Nooramalina binti Haji Mohd. Daud (kanan dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Ogos. - Jerayawara Kenali ASEAN diteruskan lagi hari ini dalam usaha membarigakan dan memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini.

Jerayawara anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan atau SCI ASEAN-COCI tersebut kali ini diadakan di Darussalam Hall, Sekolah Chung Hwa Middle School (CHMS), di ibu negara, di sini.

Pada jerayawara berkenaan, Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pemangku Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Nooramalina binti Haji Mohd. Daud.

Seramai 427 orang penuntut Tahun 7, 8 dan 9 menyertai taklimat tersebut.

Turut hadir, Pengetua CHMS, Kho Guik Lan dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat antara lain bertujuan untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah



sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN, 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti' (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

berkesempatan mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.

Selain membarigakan maklumat mengenai ASEAN, program berkenaan merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan atau ASEAN-ness dalam kalangan pelajar.

Usaha itu juga dihasratkan dapat membantu para pelajar menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, di samping mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.




## Kemalangan jalan raya ragut 1 nyawa

**KEMALANGAN berkenaan telah berlaku di KM 5600, Jalan Rasau-Sungai Tujoh, Kuala Belait dan meragut satu nyawa, seorang perempuan warganegara Malaysia.**

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**BELAIT**, Khamis, 27 Ogos. - Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), kira-kira pukul 7.20 pagi tadi telah menerima laporan daripada orang awam mengenai satu kemalangan dan kebakaran sebuah kenderaan yang berlaku di KM 5600, Jalan Rasau-Sungai Tujoh, Kuala Belait.

Kemalangan tersebut melibatkan dua buah kenderaan yang datang dari arah bertentangan, iaitu sebuah Kia Sportage dan sebuah Perodua Myvi. Pemandu Kia Sportage, seorang lelaki penduduk tetap, berumur 48 tahun telah mengalami kecederaan ringan. Beliau didapati mempunyai Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan yang sah.

Manakala pemandu Perodua Myvi, seorang perempuan berumur 24 tahun, warganegara Malaysia, disahkan meninggal dunia oleh pasukan paramedik di tempat kejadian. Pemandu berkenaan mempunyai Lesen Memandu yang sah, manakala Lesen Kenderaan didapati telah mansuh.

Hasil keterangan awal mendapati pemandu Perodua Myvi dipercayai telah hilang kawalan semasa memandu sehingga menyebabkan kemalangan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak PPDB masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian.

Sehubungan itu, para pengguna jalan raya dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas, memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik serta mengamalkan pemanduan secara berhemah dan berwaspada demi keselamatan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.

Para pengguna jalan raya juga dinasihatkan supaya meningkatkan kewaspadaan dan memandu dengan lebih berhati-hati ketika melalui kawasan Jalan Rasau-Sungai Tujoh memandangkan kerja - kerja pembaikan jalan sedang dilaksanakan di kawasan tersebut, di samping mematuhi papan tanda amaran, arahan keselamatan serta menyesuaikan kelajuan kenderaan mengikut keadaan jalan. Ingatlah bahawa kecuaian sesaat di jalan raya boleh membawa padah dan meragut nyawa.

## Operasi Mule bongkar penglibatan warga asing

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Ogos. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah meneruskan Operasi Mule dan membongkar penglibatan warga asing dalam kegiatan penyeludupan dadah ke negara ini. Setakat ini, Operasi Mule telah menahan seramai 15 tangkapan yang berusia dari 20 hingga 67 tahun.

Operasi susulan yang berdasarkan kepada maklumat risikan telah dijalankan pada 14 Ogos 2026 dan menahan seorang lelaki warga asing berusia 33 tahun kerana didapati membuat percubaan untuk menyeludup masuk bekalan dadah Syabu melalui Pos Kawalan Sungai Tujoh.

Hasil pemeriksaan yang dijalankan, BKN telah menjumpai dan merampas 1,059.44 gram Syabu yang disembunyikan di dalam ruang simpanan *glove box* di bahagian hadapan kenderaan yang digunakan.

Syabu yang dirampas dianggarkan bernilai BND127,000 dan boleh menampung sekurang-kurangnya 10,000 pengguna dadah. Turut dirampas bagi membantu siasatan ialah telefon bimbit dan kenderaan yang digunakan oleh tangkapan tersebut.

Tangkapan tersebut merupakan orang suruhan sindiket dadah dari luar negara yang diaturkan untuk menyeludup dan menghantar bekalan Syabu kepada beberapa orang pengedar dan *runner* dadah tempatan termasuk dalang utama Operasi Mule yang telah ditahan pada 15 Jun 2026.

Siasatan juga mendapati bahawa terdapat warga tempatan lain turut terlibat dalam membantu menjalankan kegiatan sindiket tersebut terutamanya dalam penghantaran bekalan dadah kepada beberapa pengedar dadah tempatan.

Subjek berkenaan akan turut disiasat di bawah Seksyen 5, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan membawa masuk dadah terkawal yang mana, jika sabit kesalahan, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

BKN akan terus bertindak tegas dan tidak berkompromi terhadap mana-mana individu atau sindiket termasuk warga asing yang bertapak dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai tempat untuk menjalankan kegiatan berkaitan dadah. Setiap kumpulan dan rangkaian pengedaran dadah akan terus dipantau dan dihadapkan ke muka pengadilan.



**OPERASI Mule yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik telah membongkar penglibatan warga asing dalam kegiatan penyeludupan dadah ke negara ini, menahan seramai 15 tangkapan yang berusia dari 20 hingga 67 tahun.**

BERITA GLOBAL

# NEPAL KELUARKAN AMARAN BANJIR BAHARU SUSULAN PARAS AIR SUNGAI BHOTE KOSHI MENINGKAT

**KATHMANDU**, 28 Ogos. - Pihak berkuasa Nepal mengeluarkan amaran baharu pada Jumaat mengenai potensi berlaku satu lagi kejadian banjir selepas paras aliran air bercampur serpihan dan lumpur dilaporkan meningkat di jajaran Sungai Bhote Koshi yang sama, iaitu lokasi bencana banjir kilat melanda pada Rabu, lapor Xinhua.

"Maklumat telah diterima bahawa aliran air bercampur serpihan dan lumpur meningkat semula hari ini di kawasan Sungai Bhote Koshi di Rasuwa, tempat di mana banjir besar berlaku pada 26 Ogos," menurut Pihak Berkuasa Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMA) dalam satu notis.

Memandangkan potensi banjir boleh berlaku lagi, NDRRMA menggesa semua anggota yang terlibat dalam operasi menyelamat dan memberi bantuan di sepanjang Sungai Bhote Koshi dan Sungai Trishuli, serta sesiapa sahaja yang masih berada di kawasan berisiko tinggi, untuk mengambil langkah berjaga-jaga sepenuhnya.

Agensi itu turut menasihatkan mereka supaya segera berpindah ke kawasan yang lebih selamat sekiranya mengesan sebarang tanda bahaya.

Angka korban akibat banjir yang memusnahkan itu telah meningkat kepada 475 orang, manakala ratusan lagi masih dilaporkan hilang ketika pasukan penyelamat meneruskan pencarian mangsa yang terselamat dan mayat di sepanjang sungai dan kawasan hilir. - ©BERNAMA

# Guna AI dekatkan tamadun, warisan Islam kepada generasi akan datang

**TASHKENT**, 26 Ogos. - Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) wajar dimanfaatkan sebagai alat yang berkesan untuk mempromosikan tamadun dan warisan Islam, termasuk sumbangan tokoh ilmuwan Islam kepada generasi muda, menurut pakar media Uzbekistan.

Rektor Universiti Kewartawanan dan Komunikasi Massa Uzbekistan Sherzodkhan Kudratkhoja berkata pengamal media termasuk wartawan, penyiar dan pembikin filem boleh menghasilkan kandungan yang lebih kreatif, menarik dan moden bagi mempromosikan tamadun serta sejarah Islam secara berkesan, khususnya kepada golongan muda yang memperoleh maklumat melalui media sosial dan platform digital berformat pendek.

Beliau berkata pendekatan itu akan memastikan legasi tamadun Islam kekal relevan dan mudah diakses oleh generasi akan datang.

"Kami mendapati generasi muda, khususnya Generasi Alpha dan Beta, lebih gemar menonton kandungan digital berformat pendek menerusi platform seperti Instagram, TikTok dan YouTube berbanding format tradisional seperti buku, akhbar, dokumentari atau filem berdurasi panjang.

"Sehubungan itu, kandungan berkaitan sejarah dan tamadun Islam perlu disesuaikan dengan pendekatan moden ini agar selari dengan tabiat tontonan dan minat mereka," katanya pada sesi Forum Media Antarabangsa 'Tamadun Islam: Perspektif Baharu – Penemuan Baharu' di Pusat Tamadun Islam di sini.

Sherzodkhan berkata AI tidak seharusnya dilihat sebagai ancaman kepada industri media, sebaliknya sebagai teknologi berguna dan berkeupayaan tinggi yang boleh meningkatkan kreativiti, kecekapan serta menyokong penghasilan kandungan berkualiti termasuk filem pendek dan bahan pendidikan digital.

Sementara itu, pakar Universiti Bahasa-Bahasa Dunia Negeri Uzbekistan Beruniy Alimov berkata Pusat Tamadun Islam Uzbekistan telah menggunakan kaedah penyampaian maklumat yang moden dan interaktif menerusi teknologi AI. Beliau berkata pendekatan itu wajar dijadikan contoh oleh pusat atau muzium Islam lain di seluruh dunia.

"Sebagai contoh, maklumat mengenai ilmuwan Islam tersohor seperti al-Khwarizmi. Pengunjung pusat pendidikan Islam itu boleh berinteraksi secara 'maya' seolah-olah mereka sedang berbicara dengan ilmuwan berkenaan.

"Melalui AI, pengunjung muda boleh bertanyakan soalan mengenai pencapaian dan sumbangannya. Kaedah ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan memberi impak kepada golongan muda," kata beliau di luar forum berkenaan.

Beliau turut menyifatkan forum media antarabangsa itu sebagai platform penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai Uzbekistan dan kekayaan warisan sejarah negara itu.

Menghimpunkan lebih 300 pengamal media dan pakar dari 50 negara, forum anjuran Pusat Tamadun Islam yang berlangsung dari 24 hingga 28 Ogos itu turut diadakan bersempena ulang tahun ke-35 kemerdekaan Uzbekistan. - ©BERNAMA

# Jerebu : IPU Republik Indonesia cecah tahap berbahaya 573 di Kalimantan Tengah

**JAKARTA**, 26 Ogos. - Pencemaran udara akibat kebakaran hutan dan tanah di Republik Indonesia telah mencapai tahap berbahaya dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melonjak kepada 573 di beberapa kawasan di Kalimantan Tengah, sambil pihak berkuasa mempertingkatkan langkah-langkah untuk melindungi kesihatan awam.

Pengarah Kesihatan Persekitaran Kementerian Kesihatan Then Suyanti berkata pemantauan kualiti udara daripada 17 stesen setakat 5 pagi Rabu menunjukkan bacaan berkenaan di Jekan Raya, Palangka Raya, Kalimantan Tengah, manakala Kabupaten Muaro Jambi di Jambi turut merekodkan tahap berbahaya iaitu 302.

Beliau berkata beberapa kawasan lain merekodkan kualiti udara yang sangat tidak sihat termasuk Pelalawan di Riau, Penukal Abab Lematang Ilir dan Ogan Ilir (Sumatera Selatan), Pontianak Tenggara di Kalimantan Barat serta Gunung Mas dan Katingan di Kalimantan Tengah.

"Bagi kategori sangat tidak sihat, iaitu antara 201 hingga 300, ia memudaratkan dan meningkatkan risiko kesihatan, terutamanya bagi golongan sensitif, manakala orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada di luar rumah terlalu lama. Bagi kategori berbahaya pula, semua pihak perlumengelakkan aktiviti luar," katanya dalam satu taklimat media dalam talian pada Rabu.

Then berkata kementerian sedang menyediakan pekeliling mengenai pengurangan aktiviti luar termasuk membenarkan sekolah melaksanakan pembelajaran jarak jauh apabila kualiti udara semakin merosot.

"Pekeliling itu sedang disediakan. Ia mungkin dikeluarkan dalam tempoh dua hari akan datang oleh ketua setiausaha," katanya.

Dalam taklimat sama, Ketua Pusat Krisis Kesihatan Kementerian Kesihatan Agus Jamaludin berkata kebakaran itu menjejaskan kira-kira 3.4 juta penduduk di tujuh wilayah iaitu Riau, Jambi dan Sumatera Selatan di Pulau Sumatera, serta Kalimantan Barat, Tengah, Timur dan Selatan.

"Wilayah-wilayah ini telah mengisytiharkan status amaran kecemasan, bukan status tindak balas kecemasan. Kami berharap usaha memadamkan kebakaran dapat diselesaikan secara berperingkat supaya jerebu yang terhasil dapat dikurangkan," katanya.

Agus berkata 42 orang mengalami kecederaan ringan manakala dua lagi, kedua-duanya mangsa kebakaran di Kalimantan Selatan, mengalami kecederaan serius atau dimasukkan ke hospital.

Tiada kematian atau pemindahan penduduk dilaporkan sementara 321 anggota kesihatan telah digerakkan ke seluruh wilayah yang terjejas.

Sementara itu, pemantauan satelit terkini oleh Kementerian Perhutanan menunjukkan risiko kebakaran masih meluas, dengan 805 titik panas tahap keyakinan tinggi dan 11,313 titik panas tahap keyakinan sederhana dikesan di seluruh negara setakat 9.11 malam Selasa.

Menurut kementerian itu, antara enam wilayah keutamaan, Sumatera Selatan mencatatkan bilangan titik panas tahap keyakinan tinggi terbanyak iaitu 239, diikuti Kalimantan Tengah (113), Kalimantan Selatan (89) dan Kalimantan Barat (86), manakala Jambi mencatatkan tujuh dan Riau satu.

Bagi titik panas tahap keyakinan sederhana, Kalimantan Barat mencatatkan 2,447, diikuti Kalimantan Tengah (2,168), Sumatera Selatan (1,161), Kalimantan Selatan (710), Riau (199) dan Jambi sebanyak 197. - ©BERNAMA

# Kadar kemalangan jalan raya di Republik Singapura naik 2.7 peratus dalam separuh pertama 2026

**REPUBLIK SINGAPURA**, 28 Ogos. - Republik Singapura mencatatkan jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan kecederaan dan kematian lebih tinggi bagi tempoh separuh pertama (1H) 2026, iaitu meningkat 2.7 peratus kepada 3,929 kes berbanding 3,826 kes dalam tempoh sama tahun lepas, menurut Pasukan Polis Singapura (SPF).

SPF dalam laporan 'Mid-Year Road Traffic 2026' memaklumkan jumlah keseluruhan mangsa yang cedera dan terkorban turut meningkat 3.6 peratus kepada 5,151 orang dalam 1H 2026 berbanding 4,973 orang sebelum ini.

Bagaimanapun, kemalangan maut mencatatkan penurunan sebanyak 23.1 peratus kepada 60 kes dalam 1H 2026 berbanding 78 kes pada tahun lepas, manakala jumlah kematian merosot 22.8 peratus kepada 61 berbanding 79 kes dalam tempoh sama pada 2025 berikutan penurunan jumlah korban melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal.

"Meskipun jumlah kemalangan maut dan angka kematian menurun pada 1H 2026 berbanding tempoh sama pada 2025, keadaan trafik secara keseluruhannya masih membimbangkan.

"Penunggang dan pembonceng motosikal serta pejalan kaki warga emas terus menjadi kumpulan pengguna jalan raya paling rentan dan kekal mencatatkan kadar kematian yang tinggi dalam kemalangan jalan raya," katanya pada Jumaat.

Sementara itu, Komander Polis Trafik SAC Serene Chiu berkata trend peningkatan kemalangan jalan raya dan jumlah mangsa sejak beberapa tahun ke belakangan ini memberi peringatan tegas bahawa pelbagai usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan di jalan raya.

"Pengguna jalan raya yang rentan, terutamanya penunggang motosikal dan pejalan kaki warga emas, terus merangkumi nisbah terbesar dalam kes kematian akibat kemalangan jalan raya.

"Polis Trafik akan terus memperkemas keupayaan penguatkuasaan serta bekerjasama rapat dengan rakan strategik dan masyarakat bagi menambah baik tingkah laku pengguna jalan raya sekali gus meningkatkan tahap keselamatan," katanya. - ©BERNAMA

## Jet kargo Republik Persekutuan Jerman lakukan pendaratan cemas di Lapangan Terbang Narita

**CHIBA (Jepun)**, 27 Ogos. - Sebuah jet kargo milik AeroLogic dari Republik Persekutuan Jerman melakukan pendaratan cemas di Lapangan Terbang Narita berhampiran Tokyo pada Khamis susulan masalah pada sistem hidrauliknya, menurut Kementerian Pengangkutan, lapor Kyodo News.

Pesawat Boeing 777 yang membawa tiga kru itu sedang dalam penerbangan dari Leipzig ke Narita, dan tiada kecederaan dilaporkan.

Selepas melakukan pendaratan cemas kira-kira 7.40 pagi, pesawat berkenaan berhenti di landasan sebelum ditunda keluar. Landasan itu ditutup selama kira-kira 30 minit. - ©BERNAMA

## SpaceX rancang bina pelabuhan angkasa AS$100 bilion di Louisiana

**SAN JOSE (California)**, 26 Ogos. - Syarikat angkasa lepas milik Elon Musk, SpaceX merancang membina pelabuhan angkasa baharu di negeri Louisiana, Amerika Syarikat (AS), dengan pelaburan kira-kira US$100 bilion, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa) memetik syarikat itu dan pegawai negeri pada Selasa.

Kemudahan di Vermilion Parish, di pesisir Teluk itu dijangka menjadi tapak pelancaran terbesar SpaceX dan yang terbesar di dunia, menurut agensi pembangunan ekonomi Louisiana. Tapak itu juga dijangka mempunyai lima kompleks pelancaran, masing-masing dilengkapi dua pad pelancaran.

"Starbase, Louisiana akan dibina bagi menyokong ribuan penerbangan Starship setahun," menurut SpaceX, sambil menambah bahawa tapak itu akan membantu memacu perkembangan perjalanan angkasa komersial.

Pembinaan dijadual bermula pada 2027, dengan roket Starship pertama berpotensi dilancarkan dari tapak itu pada 2029. Roket gergasi Starship masih menjalani penerbangan ujian. SpaceX kini mengendalikan kemudahan pelancaran Starship di negeri Texas.

SpaceX berkata matlamat jangka panjangnya adalah untuk membolehkan perjalanan berkala ke bulan dan Marikh menggunakan roket yang boleh digunakan semula sepenuhnya, sebelum mewujudkan kehadiran manusia secara kekal di luar Bumi. - ©BERNAMA

Pelita Brunei

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# PROGRAM SOKONG PERJALANAN PEMULIHAN BERTERUSAN, BERKEKALAN

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Biro Kawalan Narkotik**



**PROGRAM Briskwalk bermatlamat untuk menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan sokongan dan penerimaan terhadap bekas pengguna dadah serta memupuk persekitaran yang lebih menyokong bagi individu yang sedang menjalani proses pemulihan dadah (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Pemulihan Antarabangsa dengan bertemakan 'Sinar Menuju Pemulihan, Bersama Komuniti', Biro Kawalan Narkotik (BKN) melalui Divisyen Rawatan dan Pemulihan (DRP) meneruskan Cabaran 2 Million Steps for Recovery dengan mengadakan Program Briskwalk pada 10 Ogos 2026 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Program ini telah menghimpunkan seramai 89 Orang Yang Di Bawah Pengawasan (OYDP), 42 residen Pusat Al-Islah, beberapa ahli keluarga mereka serta pegawai dan kakitangan BKN untuk sama-sama menyertai cabaran yang sedang berlangsung, di samping menunjukkan sokongan terhadap perjalanan pemulihan.

Presiden Aftercare Support Association (AFSA), Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya juga hadir sama-sama memberikan sokongan dalam program ini.

Cabaran 2 Million Steps for Recovery yang berlangsung dari 1 Julai hingga 30 September 2026 merupakan salah satu inisiatif yang dianjurkan oleh BKN bersempena dengan Sambutan Hari Pemulihan Antarabangsa 2026, dengan matlamat untuk menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat.

Selain itu, ia juga bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan sokongan dan penerimaan terhadap bekas pengguna dadah serta memupuk persekitaran yang lebih menyokong bagi individu yang sedang menjalani proses pemulihan dadah.

Cabaran ini dilaksanakan dengan kolaborasi antara BKN bersama EVYD Technology Sdn. Bhd. dengan menggunakan *features* dalam aplikasi BruHealth sebagai platform untuk perkiraan langkah (*steps*).

Setakat hari ini, penyertaan bagi cabaran ini telah mencecah seramai 16,586 peserta. Penyertaan OYDP dan residen bersama ahli keluarga masing-masing mencerminkan peranan penting keluarga dan komuniti dalam menyokong proses pemulihan.

Penglibatan ahli keluarga turut memberikan ruang untuk mereka menunjukkan dorongan, semangat dan sokongan yang berterusan kepada insan tersayang dalam usaha mencapai pemulihan yang berterusan dan berkekalan.

Program Briskwalk ini turut menjadi wadah untuk menyampaikan mesej bahawa proses pemulihan bukanlah satu perjalanan yang perlu dilalui secara bersendirian.

Dengan adanya kefahaman, dorongan serta penglibatan yang bermakna daripada keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya, ia akan memberikan motivasi kepada individu yang sedang menjalani proses pemulihan ke arah perubahan yang lebih positif dan berkekalan.

Melalui inisiatif seperti ini, BKN terus menyeru masyarakat untuk memainkan peranan yang aktif dalam terus menyokong proses pemulihan serta meningkatkan kefahaman mengenai proses pemulihan dadah.

Setiap langkah yang diambil ke arah pemulihan merupakan satu langkah menuju masyarakat yang lebih sihat, saling menyokong dan inklusif.

# Kejohanan Sepak Takraw Regu Terbuka dirasmikan

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**PENGHULU Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan kejohanan berkenaan di Kompleks Sukan Sungai Kebun, Bandar Seri Begawan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Ogos. - Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Kejohanan Sepak Takraw Regu Terbuka sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-80 tahun yang diadakan selama dua hari bermula hari ini.

Sehubungan itu, majlis pembukaan kejohanan tersebut diadakan petang tadi, bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan kejohanan berkenaan ialah Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid.

Atur cara dimulakan nyanyian lagu kebangsaan Allah Peliharakan Sultan, diikuti dengan tetamu kehormat diperkenalkan kepada semua pasukan yang mengambil bahagian dalam kejohanan.

Acara diteruskan lagi dengan perasmian kejohanan oleh tetamu kehormat, yang kemudiannya dijemput untuk melakukan cabutan undian bagi perlawanan mengikut kumpulan masing-masing.

Kejohanan berkenaan disertai oleh sebanyak 24 pasukan iaitu Bomba A, Bomba B, Bomba C, Brunei Legend A, Brunei Legend B, Bru Veteran, Deno FC, JBS Skim A, JBS Skim B, Miharbi A, Miharbi B, MS ABDB A, MS ABDB B, MS ABDB C, MS ABDB D, MS Polis A, MS Polis B, MS Polis C, Muara Spurs A, Muara Spurs B, Penglima, Permata Hijau A, Permata Hijau B, dan Sengkurong.

## TAHUKAH AWDA

UBD menubuhkan Pusat Kajian Lapangan Kuala Belalong pada awal 1990-an. Sebelum penubuhannya, kawasan ini dilindungi sebagai rizab hutan yang meliputi kawasan seluas kira-kira 46,210 hektar, kini menjadi taman negara. KBFSC (Kuala Belalong Field Studies Centre) terletak dalam zon penyelidikan dan pendidikan taman yang merangkumi seluruh Lembah Sungai Belalong. Penubuhan Pusat ini ditandai dengan ekspedisi saintifik yang dianjurkan bersama oleh Royal Geographical Society (RGS) London yang dijalankan selama 15 bulan (iaitu 1991-1992) dan disertai oleh 74 saintis penyelidikan dari pelbagai kepakaran.

**SUMBER** : *KBFSC - Institute for Biodiversity and Environmental Research*